

RISALAH FIQH KORBAN

KARYA
DR. HISYAM AL-KAMIL HAMID MUSA
AL-SHAIFI' AL-AZHARI

Terjemahan daripada kitab
ISĀD AL-BARIYYAH FI AHKĀM AL-UDHIYYAH



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR,
Tingkat 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor.

Risalah Fiqh Korban

(Menurut Pandangan Mazhab Al-Shafi'i)

Buku Terjemahan Daripada Kitab
Is'ad al-Bariyyah fi Akhak al-Udhiyyah

Karya Dr. Hisyam al-Kamil Hamid Musa al-Shafi'i al-Azhari

Cetakan Pertama 2023

Hak Cipta Terpelihara

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Terjemahan dan Suntingan

Zubair bin Amir Nur Rashid

Ahmad Amiruddin bin Ahmad Shukri

Nor Hanani binti Ahmad

Naimah binti Mohamad Nasir

Muhammad Firdaus bin Ismadi

Muhammad Imran Hafeez Azli

Siti Irdina Shahira binti Mahmud

Nursyamimi binti Zulka'e

ISBN : 978-629-96889-2-1

Diterbitkan oleh;

Jabatan Mufti Negeri Selangor

Tingkat 7&8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Dicetak oleh;

Magicroreative Sdn Bhd

No 2&3 Jalan Seri Putra 3/12,
Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor.
0192777134

Ditaja oleh:

Lembaga Zakat Selangor

Isi Kandungan

Prakata Kata Penerbit

Bab 1: Dalil Pensyariatan & Pengertian Korban 8-18

- Pengertian Ibadah Korban
- Hukum Korban
- Bilakah Ibadah Korban Menjadi Wajib?
- Dalil Pensyariatan
- Kepada Siapakah disyariatkan Ibadah Korban?
- Hikmah Pensyariatan Ibadah Korban
- Kelebihan Korban
- Bilakah disyariatkan Ibadah Korban?

Bab 2: Hukum-Hakam Berkaitan Ibadah Korban 19-45

- Waktu Ibadah Korban
- Apakah Syarat bagi Peserta Korban?
- Apakah Syarat bagi Ibadah Korban?
- Jenis-jenis Haiwan Korban
- Umur Haiwan yang Hendak disembelih
- Sifat-sifat Haiwan Korban
- Sifat-sifat Terlarang Haiwan Korban
- Apakah Syarat bagi Penyembelih?
- Tatacara Sembelihan Korban
- Kematian Haiwan Korban
- Anak daripada Haiwan Korban
- Adab Berkorban
- Perkara yang Disunatkan bagi Peserta Korban Apabila Terbitnya Hilal Bulan Zulhijjah
- Tatacara Pengagihan Daging Korban
- Menyimpan Daging Korban
- Menghadiahkan Haiwan Korban

- Berkongsi Korban
- Sebaik-baik Jenis Korban
- Hukum Menjual Daging Korban
- Hukum Menjual Kulit Haiwan Korban
- Susu Haiwan Korban
- Hukum Memanfaatkan Haiwan Korban
- Upah Tukang Sembelih
- Sembelihan dan Hutang
- Menyewa Haiwan Korban
- Berkorban dan Bersedekah dengan Nilai
- Berkorban dengan Harta Anak Yatim
- Hukum Memindahkan Daging Korban
- Hukum Melakukan Korban untuk Si Mati
- Korban dan Hadyu ketika Ibadah Haji
- Amalan yang Paling Afdal dilakukan pada Hari Raya Korban

Bab 3: Fatwa-fatwa Berkaitan Ibadah Korban **46-61**
● 64 Soalan Berkaitan Ibadah Korban

Bab 4: Kisah Sembelihan Korban **62-63**

Prakata

Segala puji dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayah-Nya sehingga kita masih lagi diberi nafas dan dipanjangkan usia dalam melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, sekali lagi saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana berpeluang untuk menerbitkan Buku Terjemahan bab Sembelihan daripada kitab *Is'ad al-Bariyyah fi Ahkam al-Udhriyyah* yang dinamakan sebagai Risalah Fiqh Korban Menurut Pandangan Mazhab al-Shafi'i. Terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan penyelidik Jabatan Mufti Negeri Selangor yang telah bertungkus-lumus mengusahakan terjemahan ini untuk manfaat masyarakat khususnya sebagai persediaan ilmu bagi menyambut bulan Zulhijjah.

Risalah Fiqh Korban ini ialah terjemahan daripada kitab *Is'ad al-Bariyyah fi Ahkam al-Udhriyyah* karya Dr Hisyam al-Kamil Hamid Musa al-Shafi'i al-Azhari, yang merupakan kitab fiqh kontemporari yang disusun bagi menjelaskan beberapa permasalahan fiqh terutama menurut perspektif Mazhab al-Shafi'i. Kitab *Is'ad al-Bariyyah fi Ahkam al-Udhriyyah* dipilih untuk diterjemahkan kerana ia merupakan salah satu rujukan yang ringkas dan padat, mudah difahami serta sesuai dijadikan panduan untuk orang awam. Bahkan ia juga merungkai persoalan semasa bagi mereka yang ingin memahami fiqh Mazhab al-Shafi'i khusus dalam bab ibadah korban. Buku terjemahan ini sangat bermanfaat dan sesuai digunakan untuk semua lapisan masyarakat kerana huraian kitab ini diadaptasi daripada kitab-kitab para ulama muktabar Mazhab al-Shafi'i, bersesuaian dengan mazhab yang digunakan di Selangor khususnya dan di Malaysia amnya.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan *ahlan ya Zulhijjah*, bulan haram yang memiliki hari-hari istimewa yang penuh dengan pengampunan dan keberkatan. Hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar RA, bahawa Nabi SAW bersabda yang maksudnya:

Tidak ada hari-hari yang lebih mulia di sisi Allah SWT dan amal soleh di dalamnya lebih dicintai oleh-Nya daripada hari yang sepuluh (10 hari pertama Zulhijjah).

(Riwayat Ahmad)

Oleh itu, marilah kita sama-sama merebut peluang dan mengisi masa di bulan Zulhijjah khususnya di 10 yang pertama dengan memperbanyak bacaan al-Quran, berqiamullail, bersedekah, bertasbih, bertahmid serta melaksanakan ibadah korban sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

Akhir kalam, semoga segala amalan dan ibadah yang kita lakukan diterima, diredaya dan menjadikan kita hamba-Nya yang sentiasa dirahmati Allah SWT. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

DATO' SETIA PROF. MADYA DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR
S.S. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor.

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT tuhan sekalian alam, aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah SWT, tuhan Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad SAW hamba dan utusan Allah SWT.

Sesungguhnya Allah SWT memuliakan Islam dengan syariat-syariat untuk menetapkan agama dalam hati manusia. Ibadah korban ialah salah satu syariat yang diajarkan oleh Rasulullah SAW bertujuan untuk melapangkan para hamba, menggembirakan, membawa keberkatan, memberikan makanan kepada mereka yang kelaparan, melipat gandakan kebaikan dan menjadi tunggangan untuk melalui titian sirat pada hari kiamat.

Aku telah diminta oleh beberapa tokoh Masjid Zahir Bibars agar menulis satu kitab yang meliputi hukum hakam sembelihan yang mudah bahasanya untuk menjawab persoalan mereka. Justeru, aku berusaha memenuhi permintaan mereka dan aku menamakan kitab ini sebagai "إسعاد البرية في أحكام الأضحية" sebagai suatu khidmat untuk agama ini.

Aku telah membahagi kitab ini kepada tiga bahagian. **Bahagian pertama**, tentang hukum hakam sembelihan. **Bahagian kedua**, aku mengumpulkan persoalan-persoalan yang tersebar dalam kalangan masyarakat dan menyediakan jawapan untuk persoalan tersebut. **Bahagian ketiga**, aku mengakhiri kitab ini dengan menyebut kisah-kisah berkaitan ibadah korban antaranya kisah yang berlaku antara Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS.

Aku berharap buku ini akan memberi manfaat kepada para pembaca, pengajar di masjid, sekolah dan rumah. Moga hasil usaha ini juga menjadi sebab keselamatan bagi diriku dan keluarga, guru-guruku dan murid-muridku daripada neraka pada hari kiamat.

Dr. Hisyam al-Kamil Hamid Musa al-Shafi'i al-Azhari

Dalil Pensyariatan & Pengertian Korban

Amalan korban merupakan salah satu daripada ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT, berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 32:

ذلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فِي أَنَّمَا مِنْ تَقْوَى الْأُلُوبِ

Maksudnya: Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dialah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin.

Selain itu, daripada surah al-Kautsar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَاخْرُجْ

Maksudnya: Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

Terdapat juga hadis Rasulullah SAW berkenaan ibadah korban berdasarkan riwayat daripada Ibn Umar RA bahawa:

أَقَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ عَشْرَ سِنِينَ يُضْحِي

Maksudnya: Rasulullah SAW menetap di Madinah selama 10 tahun dan Baginda mengerjakan ibadah korban.

(Riwayat Ahmad dan al-Tirmizi)

Ibadah korban merupakan salah satu ibadah yang utama yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW untuk dilaksanakan pada hari *Nahar*¹. Hal ini berdasarkan daripada riwayat Jabir bin Abdullah RA:

¹ Catatan penterjemah: Hari *Nahar* ialah pada 10 Zulhijjah iaitu pada Hari Raya Korban.

شَهِدْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأَضْحَى بِالْمُصَنَّى،
فَلَمَّا قَضَى حُطْبَتَهُ نَزَلَ مِنْ مِنْبَرِهِ وَأَتَى بِكَبْشٍ فَدَبَّخَهُ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِهِ، وَقَالَ: بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ هَذَا عَيْ
وَعَمَّنْ مَمْ يُضَحِّي مِنْ أُمَّتِي

Maksudnya: Aku berada bersama Rasulullah SAW ketika Hari Raya Korban di masjid. Selepas Baginda SAW menghabiskan khutbahnya, lalu Baginda SAW turun dari mimbar dan pergi mendapatkan *kibasy* kemudian menyembelihnya sendiri sambil berkata: *Bismillah Allahu Akbar*. Sembelihan ini ialah untuk diriku dan untuk mereka yang tidak dapat melakukan korban daripada umatku.

(Riwayat Abu Daud)

Pengertian Ibadah Korban

Dari segi Bahasa: Perkataan *udhiyyah* diambil daripada perkataan *al-dhahwah* yang membawa maksud permulaan siang selepas terbit matahari. *Al-Dhuha* bermaksud matahari terbit sehingga memancar cahaya putih. Dinamakan *udhiyyah* kerana dinisbahkan kepada permulaan hari untuk melakukan korban.

Dari segi Istilah: Menyembelih haiwan ternakan seperti unta, lembu, biri-biri dan kambing pada hari *Nahar* (iaitu pada 10 Zulhijjah) dan pada hari *Tasyriq*.

Hari *Tasyriq* adalah hari ke 11, 12, dan 13 daripada bulan Zulhijjah (iaitu hari kedua, ketiga dan keempat Hari Raya Korban) untuk tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Hukum Korban

Hukum melaksanakan ibadah korban adalah *sunnah muakkadah*² berdasarkan hadis daripada Rasulullah SAW. Ia merupakan salah satu

² Catatan Penterjemah: Sunat yang dituntut.

daripada syiar agama ini dan juga bertujuan menzahirkan tanda kasih sayang, kemuliaan, kegembiraan bagi ramai manusia.

Ibadah korban dituntut secara sunat kifayah bagi sebuah isi rumah. Jika salah seorang ahli keluarga melaksanakannya, maka telah memadai untuk satu keluarga tersebut. Contohnya, si ayah boleh melaksanakan korban untuk diri sendiri, isteri dan anak-anak selagi mana tinggal dalam satu rumah yang sama. Begitu juga, ibadah ini boleh dilaksanakan secara berasingan bagi setiap individu dan keluarga.

Faedah: Imam al-Shafi'i Rahimahullah berkata:

بَلَعْنَا أَنَّ أَبَا بَكْرَ وَعُمَرَ رضي الله عنهمَا
كَانَا لَا يُضَحِّيَانِ كَرَاهِيَّةً أَنْ يَرَى أَهْلًا وَاجِبَةً

Maksudnya: Telah sampai kepada kami bahawa Abu Bakar dan Umar RA tidak melaksanakan ibadah korban kerana takut ada yang menganggap bahawa ia adalah wajib.

Faedah: Ibadah korban wajib bagi orang bermukim yang berkemampuan di sisi mazhab Hanafi.

Bilakah Ibadah Korban Menjadi Wajib?

Ibadah korban menjadi wajib dengan dua perkara:

1- *Al-Ta'yin* iaitu seperti seseorang mengatakan: "Ini korbanku atau saya akan melaksanakan ibadah korban dengan kambing ini". Maka, dalam keadaan ini diwajibkan seseorang untuk melaksanakan korbannya dengan haiwan tersebut.

2- *Al-Nazar* iaitu seseorang mewajibkan ke atas dirinya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan ibadah korban. Contohnya seseorang berkata: "Demi Allah, ke atasku menyembelih haiwan ini sebagai korban". Maka, ibadah korban ini menjadi wajib dan dia mesti menyembelih haiwan korban tersebut untuk menunaikan janjinya kepada Allah SWT.

Perhatian:

Hukum nazar adalah makruh di sisi mazhab al-Shafi'i kerana seseorang telah mewajibkan ke atas dirinya sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah SWT.

Dalil Pensyariatan

Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Kautsar ayat 2:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَاخْرُجْ

Maksudnya: Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

Berdasarkan ayat ini, perkara yang dimaksudkan dengan solat dalam ayat ini ialah solat Eidul Adha. Manakala *al-Nahar* bermaksud menyembelih korban.

Selain itu, berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA:

ضَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَيْنِ،
ذَبَّحَهُمَا بِيَدِهِ، وَسَمَّى وَكَرَرَ، وَوَضَعَ رِحْلَةَ عَلَى صِفَاحِهِمَا (جُنُوِّهِمَا)

Maksudnya: Nabi SAW menyembelih dua ekor *kibasy* berwarna putih kehitaman dan bertanduk. Baginda menyembelih dengan tangannya sendiri. Baginda membaca *basmalah*, bertakbir dan meletakkan kakinya di atas sisi kedua-duanya.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis yang diriwayatkan daripada A'isyah RA:

مَا عَمِلَ آدَمُ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ،
إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقْعُ
مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقْعُ مِنَ الْأَرْضِ، فَطِبِّعُوا بِهَا نُفُسًا

Maksudnya: Tiada amalan anak Adam yang lebih disukai oleh Allah SWT pada hari korban berbanding berkorban (dengan menyembelih haiwan) kerana sesungguhnya, ia (haiwan korban) akan datang pada hari kiamat dengan

tanduk, bulu, dan kukunya. Sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada Allah sebelum titisan darah tersebut jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa dengan berkorban.

(Riwayat al-Tirmizi dan riwayat ini berstatus *hasan gharib*)

Dan telah bersepakat umat Islam yang terdahulu dan terkemudian akan pensyariatan ibadah korban di dalam Islam.

Kepada Siapakah Disyariatkan Ibadah Korban?

Ibadah korban disyariatkan kepada golongan yang mempunyai lebih harta sebanyak nilaiang harga haiwan korban untuk keperluan dirinya dan keperluan orang di bawah tanggungannya. Seseorang hendaklah mempunyai lebih harta pada hari Eidul Adha dan tiga hari Tasyriq (iaitu pada hari bulan 11, 12, 13 daripada bulan Zulhijjah). Empat hari ini merupakan hari yang disyariatkan untuk menjalankan ibadah korban sepetimana hadis yang diriwayatkan daripada al-Ma'sum daripada Nabishah al-Hazli berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَيَّامُ التَّشْرِيقِ أَيَّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ

Maksudnya: Hari-hari Tasyriq ialah hari-hari (waktunya) makan dan minum.

(Riwayat Muslim)

Hari Tasyriq dinamakan demikian bersempena matahari yang memancar daging-daging korban.

Adapun seseorang fakir yang hanya mempunyai harta yang mencukupi untuk dirinya pada hari-hari tersebut maka tidak dituntut untuk menjalankan ibadah korban kerana tujuan sesuatu syariat adalah untuk mengangkat kesulitan. Apabila suatu suruhan dikaitkan dengan harta seperti ibadah korban ini, maka yang dituntut hanya kepada orang mampu sahaja.

Perhatian:

Terdapat golongan yang berada dalam keadaan susah dan tidak mampu untuk melaksanakan ibadah korban, kemudian merasa sedih kerana

tidak dapat melakukan ibadah korban. Ini adalah suatu perbuatan yang salah.

Hal ini kerana, ibadah korban adalah *sunnah* bukannya wajib. Menurut pendapat mazhab Hanafi ibadah korban ini wajib bagi mereka yang berkemampuan bukan kepada orang fakir yang tidak berkemampuan.

Begitu juga sesetengah orang yang hanya meraikan urusan tuhan dan tidak meraikan urusan manusia. Ketahuilah bahawa yang memberikannya (kemampuan dan harta) adalah Allah SWT dan yang menghalangnya (dengan menjadikan seseorang tidak berkemampuan) juga daripada Allah SWT. Ajaibnya urusan orang-orang mukmin kerana bagi mereka kesemuanya (sama ada mampu atau tidak mampu) adalah baik.

Hikmah Pensyariatan Ibadah Korban

1. Korban merupakan suatu ibadah untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT. Asas dalam ibadah ialah *ta'abudiyyah* (kehambaan) iaitu patuh dan taat.
2. Bersyukur kepada pemberi nikmat atas pemberian nikmat yang banyak dan memberikan peluang kepada manusia untuk terus hidup saban tahun.
3. Bersedekah kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan orang-orang fakir.
4. Beroleh kejayaan dengan mendapat pahala dan diampunkan dosa.
5. Memperkuuh tali persaudaraan antara ahli masyarakat dan menyuburkan semangat kerjasama dan mahabbah antara mereka.
6. Menghidupkan makna pengorbanan yang besar sepermima yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS yang diuji oleh Allah SWT dengan suruhan menyembelih anaknya Ismail AS. Kemudian

Allah SWT menggantikan Ismail AS dengan seekor *kibasy* yang diturunkan oleh Allah SWT kepadanya, lalu Allah SWT menyuruhnya untuk menyembelih *kibasy* itu sebagai ganti kepada Ismail AS tatkala Nabi Ibrahim AS hampir-hampir melaksanakan arahan yang diperintah oleh Allah SWT.

7. Menghidupkan sunnah Nabi Ibrahim AS sebagai orang pertama yang melaksanakan ibadah korban dengan *kibasy* untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
8. Ujian pengorbanan dari sudut harta daripada Allah SWT buat hamba-Nya. Hal ini kerana, diri manusia suka mengumpulkan harta sedangkan untuk melaksanakan ibadah korban perlu membelanjakannya. Maka, berjayalah orang yang mengeluarkan hartanya. Moga dengan pengorbanan tersebut Allah memberkati dan menambah hartanya.
9. Ibadah korban merupakan salah satu daripada tanda-tanda kekuasaan Allah SWT ke atas makhluk-Nya. Allah SWT berupaya menguasai haiwan-haiwan tersebut sehingga dapat membantu manusia dan memberi manfaat kepada manusia daripada susu, bulu dan dagingnya apabila disembelih.
10. Berpegang teguh dengan waktu kerana ibadah korban merupakan ibadah yang dilakukan pada waktu tertentu sekaligus mengajarkan seseorang muslim untuk melaksanakan ibadah korban ini sebelum terkeluar daripada tempohnya.

Ibadah korban menzahirkan makna *itsar* iaitu mendahulukan orang lain atas dirinya dengan memberikan kepada fakir sembelihan yang terbaik. Bahkan disunatkan kepada peserta korban untuk memberikan sebahagian besar daging dan hanya mengambil sebahagian kecil untuk dirinya, sepetimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مَا تَحْبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ

عَلَيْمٌ

Maksudnya: Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum

kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Faedah: Hukum *itsar* ini *sunnah* dalam urusan dunia seperti dalam harta, makanan dan minuman. Namun, *itsar* ini makruh pada urusan akhirat.

Kelebihan Ibadah Korban

Terdapat banyak riwayat hadis yang menerangkan kelebihan melaksanakan ibadah korban berdasarkan kebiasaan Rasulullah SAW melakukan ibadah ini sepanjang menetap di Madinah *al-Munawwarah*. Antara hadis-hadis yang menunjukkan kelebihan ibadah korban ini seperti berikut:

1. Riwayat daripada Zaid bin Arqam, beliau berkata bahawa:

فَالْأَصْحَابُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ

مَا هَذِهِ الْأَضَاحِي؟ قَالَ: سُنْنَةُ إِبْرَاهِيمَ صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِ

وَسَلَامُهُ قَالُوا: فَمَا لَنَا فِيهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَسَنَةٌ³

Maksudnya: Berkata para sahabat Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, apakah haiwan korban ini? Baginda bersabda: Ini adalah *sunnah* bapa kalian, (Nabi) Ibrahim AS. Mereka berkata: Lalu kami mendapat apa wahai Rasulullah daripada haiwan tersebut? Baginda bersabda: Pada setiap bulu ada satu kebaikan. Mereka berkata: Bagaimana dengan *suf* (bulu biri-biri)? Baginda bersabda: Pada setiap bulu *suf* ada satu kebaikan.

2. Riwayat daripada Abu al-Qasim al-Asbahani daripada Ali dan Abi Sa'id al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَا فَاطِمَةُ، قَوْمِي فَأَشْهَدِي أُضْحِيَتِكِ، إِنَّ لَكِ بِأَوْلَ قَطْرَةٍ مِنْ دَمِهَا

مغفرة لِكُلِّ ذَنْبٍ، أَمَّا آنَّهُ يُجَاءُ بِلَحْمِهَا وَدَمِهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُوَضَّعُ فِي

³ Musnad Ahmad bin Hanbal, dalam Musnad 10 sahabat yang dijanjikan masuk syurga iaitu penyempurna kepada musnad *al-Kufiyyin*-Hadis Zaid bin Arqam.

مِيزَانِكَ سَبْعِينَ ضِعْفًا. قَالَ أَبُو سَعِيدٍ الْخُدْرِيٌّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَهَذَا لِأَلِّ
مُحَمَّدٍ حَاصَّةً فَهُمْ أَهْلٌ لِمَا حَصُوا بِهِ مِنَ الْخَيْرِ أَمْ لِلْمُسْلِمِينَ عَامَةً قَالَ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: -

لِأَلِّ مُحَمَّدٍ حَاصَّةً وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَةً⁴

Maksudnya: Wahai Fatimah, bangunlah dan saksikanlah haiwan korbanmu. Ketahuilah sesungguhnya bagi kamu dengan titisan pertama yang menitis daripada darahnya ialah keampunan daripada segala dosa. Ketahuilah ia akan didatangkan pada hari kiamat dengan daging-dagingnya dan darah-darahnya sebanyak 70 kali ganda sehingga ia diletakkan di neraca timbanganmu. Lalu Abu Sa'id al-Khudri RA bertanya: Wahai Rasulullah, adakah ini untuk ahli keluarga Muhammad secara khusus kerana mereka layak terhadap kebaikan yang dikhkususkan kepada mereka ataupun untuk keluarga Muhammad dan orang ramai secara umumnya? Rasulullah SAW pun bersabda: Bahkan ia untuk keluarga Muhammad dan orang ramai secara umumnya.

3. Al-Tabrani meriwayatkan dalam *al-Mu'jam al-Kabir* daripada Ibn Abbas RA telah berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda pada Hari Raya Eidul Adha:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ فِي هَذَا الْيَوْمِ أَفْضَلُ مِنْ ذَمِّ يُهْرَاقُ،
إِلَّا أَنْ يَكُونَ رِحْمًا مَقْطُوعًا ثُوَصَلُ⁵

Maksudnya: Tiada amalan anak Adam pada hari ini (Eidul Adha) yang lebih afdal daripada menumpahkan darah (haiwan korban) kecuali menghubungkan silaturahim yang terputus.

⁴ Diriwayatkan Abu al-Qasim al-Asbahani dalam kitabnya *al-Targhib wa al-Tarhib*, diriwayatkan oleh al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra, diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam *Mu'jamnya*, diriwayatkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak* dan menyatakan *isnadnya* sahih. Al-Zahabi menyatakan bahawa Abu Hamzah *daif jiddan*.

⁵ Riwayat al-Tabrani di dalam *al-Mu'jam al-Kabir*, Hadis no. 5552.

4. Al-Tabrani meriwayatkan di dalam *al-Mu'jam al-Awsat* daripada 'Ali RA bahawa Nabi SAW bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، ضَحْوًا وَاحْتَسِبُوا بِدِمَائِهَا،

⁶فَإِنَّ الدَّمَ وَإِنْ وَقَعَ فِي الْأَرْضِ فَإِنَّهُ يَقْعُدُ فِي حِرْزِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya: Wahai sekalian manusia, berkorbanlah dan carilah pahala dengan darah haiwan korban itu, maka sesungguhnya darah korban yang mengalir sekalipun jatuh ke tanah, ia jatuh ke dalam perlindungan Allah SWT.

5. Daripada Hussain bin 'Ali RA telah berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ وَجَدَ سَعَةً فَلَمْ يُضَحِّ فَلَا يَفْرَبَنَّ مُصَلَّانًا⁷

Maksudnya: Sesiapa yang berkemampuan tetapi tidak melaksanakan korban, maka janganlah dia mendekati tempat solat kami.

6. Daripada A'isyah RA telah berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عَمِلَ آدَمِيٌّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ
إِلَّا لَتَأْتِيَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِفُرُونَهَا وَأَشْعَارَهَا وَأَظْلَافَهَا وَإِنَّ الدَّمَ لَيَقْعُدُ مِنْ
اللَّهِ إِمْكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقْعُدَ مِنَ الْأَرْضِ فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا⁸

Maksudnya: Tiada amalan anak Adam yang lebih disukai oleh Allah SWT pada hari korban berbanding berkorban (dengan menyembelih haiwan) kerana sesungguhnya, ia (haiwan korban) akan datang pada hari kiamat dengan tanduk, bulu, dan kukunya. Sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada Allah sebelum titisan darah tersebut jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa dengan berkorban.

⁶ Riwayat al-Tabrani di dalam *al-Mu'jam al-Awsat*, bab *Fadhl al-Udhiyyah wa Syuhud Zabhuha*.

⁷ Riwayat al-Tabrani di dalam *al-Mu'jam al-Kabir*, dan Riwayat Ahmad di dalam Musnadnya, dan Riwayat al-Hakim di dalam *al-Mustadrak*.

⁸ Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Majah.

Faedah: Sebahagian ulama menyebutkan bahawa hadis-hadis yang telah disebutkan di atas statusnya adalah *daif*. Namun, boleh beramal dengan hadis *daif* dalam bab *fadhail al-a'mal* sebagaimana yang telah dinaskan oleh ulama-ulama hadis.

Bilakah Disyariatkan Ibadah Korban?

Ibadah korban disyariatkan pada tahun kedua hijrah.

Faedah: Korban di sisi Rasulullah SAW adalah wajib dan ia merupakan *khususiyat*⁹ baginda.

⁹ Nota penterjemah: *Khususiyat* ialah perkara yang hanya boleh dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW sahaja tetapi tidak bagi orang yang lain.

2

Hukum Hakam Ibadah Korban

Waktu Ibadah Korban

Bermula waktu korban adalah selepas terbitnya matahari hari pertama Eidul Adha iaitu 10 Zulhijjah dan selepas tamatnya solat sunat Eidul Adha berserta dua khutbah ringkas. Bagi mereka yang tidak mengerjakan solat sunat Eidul Adha, mereka perlu menunggu jemaah masjid yang pertama di tempatnya selesai solat dan khutbahnya. Daripada al-Bara' bin 'Azib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا تَبْدِأُ بِهِ فِي يَوْمِنَا هَذَا أَنْ نُصَلِّي ثُمَّ تَرْجِعَ فَنْتَحَرَ،
مَنْ فَعَلَهُ فَقَدْ أَصَابَ سَتَّنَا، وَمَنْ ذَبَحَ قَبْلًا فَإِنَّمَا هُوَ حَمْ قَدَّمَهُ
لِأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ النُّسُكِ فِي شَيْءٍ

Maksudnya: Perkara pertama yang kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Eidul Adha) ialah menuaikan solat (Hari Raya Eidul Adha) seterusnya kami pulang dan melaksanakan ibadah korban. Barangsiapa yang berbuat sedemikian maka dia telah mengikut *sunnah* kami. Dan barangsiapa yang melakukan korban sebelum (daripada mengerjakan solat sunat Eidul Adha), maka sesungguhnya ia hanyalah daging yang diberikan untuk ahli keluarganya, dan ia tidak dikira sebagai ibadah korban.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Maksudnya, barangsiapa yang melakukan sembelihan selepas waktu subuh dan sebelum jemaah selesai mengerjakan solat sunat Eidul Adha maka ia tidak dikira sebagai korban. Waktu ibadah korban berterusan sehingga akhir Hari Tasyriq yang ketiga (13 Zulhijjah) iaitu sebelum masuk waktu maghrib hari tersebut.

Faedah:

1. Sebaik-baik waktu mengerjakan sembelihan korban adalah selepas solat sunat dan khutbah Eidul Adha pada hari raya pertama. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ سُكْنَىٰ فِي يَوْمِنَا هَذَا أَنْ تَبْدَأْ بِالصَّلَاةِ، ثُمَّ تَرْجِعَ فَنَنْحَرَ،
فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ وَاقَقَ سُنْنَتَنَا، وَمَنْ ذَبَحَ قَبْلَ ذَلِكَ
فَإِنَّمَا هُوَ شَيْءٌ عَجَلَهُ لِأَهْلِهِ، لَيْسَ مِنَ النُّسُكِ فِي شَيْءٍ

Maksudnya: Perkara pertama yang kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Eidul Adha) ialah menunaikan solat (Hari Raya Eidul Adha) seterusnya kami pulang dan melaksanakan ibadah korban. Barangsiapa yang berbuat sedemikian maka dia telah menepati *sunnah* kami. Dan barangsiapa yang melakukan korban sebelum itu (solat sunat Eidul Adha), maka sesungguhnya ia hanyalah daging yang diberikan untuk ahli keluarganya, dan ia tidak dikira sebagai ibadah korban.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Sembelihan korban yang dilakukan pada waktu siang lebih afdal daripada sembelihan korban yang dilakukan pada waktu malam.

Permasalahan:

Sekiranya seseorang terlepas daripada mengerjakan ibadah korban pada waktu korban, sembelihan yang dilakukan selepasnya tidak lagi berstatus korban kerana telah tamat waktunya.

Permasalahan:

Sekiranya seseorang telah bernazar untuk melakukan korban tetapi telah tamat waktu ibadah korban, maka wajib menyembelih korban pada hari yang lain dan ia berstatus qada'.

Permasalahan:

Sekiranya seseorang bernazar untuk melakukan korban dengan haiwan yang telah ditentukan, kemudian dia menyembelih korbannya sebelum waktu sembelihan (Hari Raya korban dan hari Tasyriq), maka dia perlu sedekahkan keseluruhan dagingnya dan tidak boleh makan dagingnya. Dia hendaklah menggantikan haiwan yang seumpama itu juga dan melakukan sembelihan pada hari *al-Nahr* iaitu waktu sah ibadah korban dilakukan.

Apakah Syarat bagi Peserta Korban?

Ibadah korban sunat dilakukan bagi mereka yang memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Islam: Kerana korban ialah suatu ibadah, dan ibadah hanya dikhatuskan kepada orang Islam.
2. Baligh: Maka korban tidak dituntut daripada bayi.
3. Berakal: Maka korban tidak dituntut daripada orang gila.
4. Berkemampuan: Memiliki lebihan harta selepas memberikan nafkah (makanan, pakaian dan tempat tinggal) sepanjang hari Tasyriq serta mampu membeli haiwan korban (unta, lembu, biri-biri dan kambing).

Apakah Syarat bagi Ibadah Korban?

Syarat-syarat ibadah korban ialah:

1. Berkemampuan: Peserta korban mampu membayar harga haiwan yang ingin dikorbankan.
2. Haiwan yang hendak dijadikan korban mestilah terdiri daripada haiwan-haiwan ternakan seperti unta, lembu, biri-biri dan kambing.
3. Haiwan korban tersebut mestilah selamat daripada sebarang kecacatan (yang menyebabkan tidak sah berkurban dengan haiwan tersebut).
4. Korban dilakukan pada waktunya. Waktu sembelihan bermula selepas solat sunat hari raya Eidul Adha beserta khutbah dan tiga hari Tasyriq (11,12, dan 13 Zulhijjah).

Jenis-Jenis Haiwan Korban

Para fuqaha bersepakat bahawa ibadah korban tidak sah kecuali dengan haiwan-haiwan ternakan seperti unta, lembu, biri-biri dan kambing. Tidak terdapat catatan bahawa Nabi SAW dan para sahabat melakukan korban selain daripada haiwan-haiwan ternakan.

Imam al-Shafi'i Rahimahullah berkata:

هُمُ الْأَرْوَاحُ الشَّمَائِيَّةُ الَّتِي فِي قَوْلِهِ تَعَالَى : مِنَ الصَّنْبُرِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْمَغْزِرِ
اثْنَيْنِ ۝ قُلْ آذَكْرِيْنَ حَرَمَ أَمِ الْأَنْتَيْنِ (الأنعام: 143)، وَقَوْلُهُ تَعَالَى :
وَمِنَ الْإِبْلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ ۝ (الأنعام: 144)

Maksudnya: Haiwan-haiwan ternakan terdiri daripada lapan jenis sepertimana Firman Allah SWT: daripada kambing biri-biri dua ekor (sepasang jantan betina), dan daripada kambing biasa dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik itu): Adakah yang diharamkan Allah itu, dua jantannya atau dua betinanya, (Surah al-An'am: 143) dan Firman Allah SWT: Dan daripada unta dua ekor (sepasang jantan betina), dan daripada lembu dua ekor (sepasang jantan betina). (Surah al-An'am: 144).

Ia membawa maksud sama ada jantan atau betina, maka dikhkususkan lapan jenis haiwan ternakan ini dengan tiga hukum berikut:

- 1) Haiwan tersebut diwajibkan zakat.
- 2) Haiwan tersebut dikhkususkan untuk dijadikan haiwan korban.
- 3) Haiwan tersebut boleh disembelih di Tanah Haram dan ketika sedang berihram.

Umur Haiwan yang Hendak Disembelih

Disyaratkan umur bagi haiwan yang hendak disembelih sebagaimana berikut:

Unta : Umurnya tidak kurang daripada 5 tahun dan sudah memasuki tahun ke 6.

Lembu atau Kerbau : 2 tahun yang sudah memasuki tahun ke 3.

Biri-biri : 1 tahun yang sudah memasuki tahun ke 2.

Kambing : 2 tahun yang sudah memasuki 3 tahun.

Perhatian:

Tidak sah berkorban dengan haiwan yang tidak memenuhi syarat sekalipun dagingnya banyak dan berat timbangannya, seperti haiwan yang digemukkan dengan makanan dan kian membesar sebelum mencapai umur yang ditentukan. Hal ini kerana, tujuan ibadah korban adalah sebagai syiar dan ketentuan syiar ini adalah berdasarkan umur tertentu bagi haiwan korban.

Faedah: Di sisi mazhab Hanbali dan Hanafi adalah dibolehkan korban dengan biri-biri yang telah mencapai umur 6 bulan dan telah memasuki bulan ke 7.

Faedah: Di sisi mazhab Maliki pula adalah dibolehkan korban dengan kambing jika telah mencapai umur setahun.

Permasalahan:

Dhobit (penanda aras) bagi mengetahui umur haiwan korban ialah berdasarkan pemakluman daripada pengembala yang memelihara haiwan tersebut, adapun jika tidak mengetahui maka perlu merujuk kepada orang yang berpengalaman.

Sifat-Sifat Haiwan Korban

Sifat-sifat haiwan yang sunat dikorbankan:

1. *Kibasy* (kambing biri-biri) mestilah gemuk agar dapat dimanfaatkan.
2. *Aqrān* (bertanduk): Rasulullah SAW bersabda:

حَيْزُ الْأَضْحِيَّةِ الْكَبِشُ الْأَقْرَنُ

Maksudnya: Sebaik-baik korban ialah dengan *kibasy* yang bertanduk

(Riwayat al-Baihaqi)

3. *Amlah*: iaitu haiwan yang berwarna putih, kerana dagingnya lebih afdal berbanding daging haiwan yang berwarna lain. Hal ini

adalah sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَحَّى بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ

Maksudnya: Nabi Muhammad SAW berkorban dengan dua ekor *kibasy* yang berwarna putih.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Faedah: Haiwan yang terbaik untuk dikorbankan adalah haiwan yang sempurna kejadiannya.

Sifat-sifat haiwan yang makruh dikorbankan:

1. Telinga sumbing.
2. Hilang telinga.
3. Terputus sebahagian daripada telinga.
4. Tanduk patah.
5. Tiada tanduk.
6. Juling.
7. Tercabut sebahagian gigi dengan syarat tidak mengurangkan isi daging.

Faedah: Di sisi mazhab al-Shafi'i, telinga yang terputus daripada tubuh haiwan menjadikan haiwan tersebut tidak boleh dijadikan haiwan korban. Begitu juga, haiwan yang ketiadaan telinga kerana telah hilang sebahagian isi yang boleh dimakan daripada bahagian haiwan tersebut.

Sifat-sifat Terlarang bagi Haiwan Korban

1. *Al-'Awra'* (Mempunyai satu mata): Kerana telah hilang anggota yang utama daripada kepalanya.
2. *Al-'Amya'* (Buta): Kerana telah sabit di dalam hadis bahawa tidak diharuskan berkorban bagi haiwan yang *Al-'Awra'* (Mempunyai satu mata), maka lebih utama tidak diharuskan bagi haiwan yang *Al-'Amya'* (Buta).
3. *Al-'Arja'* (Tempang): Tempang yang bersangatan sehingga menyebabkannya didahului oleh haiwan lain ketika berjalan ingin pergi mencari makan.
4. *Al-'Ajfa'* (Kurus): Haiwan yang hilang kewarasannya kerana terlalu kurus (lemah).

Al-Bara' bin 'Azib RA telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَرْبَعٌ لَا يُحْرِّي فِي الْأَضَاحِي: الْعَوْرَاءُ الْبَيْنُ عَوْرُهَا، وَالْمَرِيضَةُ الْبَيْنُ
مَرْضُهَا، وَالْعَرْجَاءُ الْبَيْنُ عَرْجُهَا، وَالْعَجْفَاءُ الَّتِي لَا تُنْقِي

Maksudnya: Empat jenis haiwan yang tidak dibolehkan untuk korban: haiwan yang jelas mempunyai satu mata, haiwan sakit yang jelas sakitnya, haiwan tempang yang jelas tempangnya, dan haiwan yang sangat kurus dan kelihatan tidak berdaging.

(Riwayat Ahmad)

Faedah:

1. Diharuskan berkorban dengan haiwan ternakan betina sekalipun ianya haiwan yang subur (mudah beranak).
2. Diharuskan berkorban dengan haiwan yang telah dikasi (alat kelamin haiwan betina) kerana ia tidak mengurangkan isi daging. Begitu juga diharuskan bagi haiwan jantan yang telah dikasi di sisi mazhab al-Shafi'i.

Faedah: Di sisi mazhab Hanafi, makruh berkorban dengan haiwan yang telah dikasi.

Faedah: Di sisi mazhab Hanbali, tidak diharuskan berkorban dengan haiwan yang telah dikasi sama ada jantan atau betina.

Permasalahan:

Tidak diharuskan berkorban dengan haiwan yang terdapat luka pada tubuhnya kerana ia mencemarkan daging haiwan tersebut.

Perhatian:

Di sisi mazhab al-Shafi'i dan mazhab Hanbali harus berkorban jika seseorang membeli haiwan korban sebelum Hari Raya Eidul Adha, kemudian mendapati haiwan tersebut terdapat kecacatan seperti patah salah satu kakinya. Mereka berhujah berpandukan hadis daripada Abi Sa'id bahawa beliau berkata:

اَسْتَرِيْثُ كَبِشًا اُضَّحَّى بِهِ فَعَدَا الدِّنْبُ فَأَخَذَ أَلْيَتَه
فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَوْالٌ: ضَحَّ بِهِ

Maksudnya: Aku telah membeli seekor *kibasy* untuk dijadikan korban, lalu serigala datang menyerang dan menggigit ekor *kibasy* tersebut. Kemudian aku bertanya kepada Nabi Muhammad SAW (status haiwan tersebut boleh dijadikan korban atau tidak). Lalu Baginda berkata: Berkorbanlah dengannya.

(Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi)

Manakala di sisi mazhab Hanafi dan mazhab Maliki tidak harus berkorban dengan haiwan yang terdapat kecacatan dan perlu diganti dengan haiwan yang selamat daripada sebarang cacat cela untuk dijadikan korban. Menurut mazhab Hanafi juga, sekiranya korban bagi haiwan yang mempunyai kecacatan itu dilakukan oleh orang fakir maka sah korbannya kerana ibadah korban tidak diwajibkan kepada orang fakir di sisi mazhab mereka.

Permasalahan:

Jika haiwan korban itu ditimpa kecacatan ketika waktu sembelihan yang menjadikannya tidak sah sebagai korban, maka menurut mazhab Maliki dan pandangan yang *asah* (muktamad) dalam mazhab al-Shafi'i, ibadah korban tersebut tidak sah. Manakala menurut mazhab Hanafi dan mazhab Hanbali, ibadah korban tersebut adalah sah.

Apakah Syarat Bagi Penyembelih?

1. Penyembelih mestilah seorang Muslim kerana sembelihannya adalah afdal, harus sembelihan yang dilakukan oleh Ahli Kitab sama ada orang Yahudi atau Nasrani, seperti Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 5:

وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَلُّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حَلُّ لَهُمْ

Maksudnya: Dan makanan (sembelihan) orang-orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan

(sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka (tidak salah kamu memberi makan kepada mereka).

Tidak halal sembelihan yang dilakukan oleh orang Majusi, Ateis, *Wathani*, atau Murtad.

2. Sembelihan hendaklah dilakukan kerana Allah SWT. Tidak boleh sembelihan dilakukan kerana selain Allah SWT, seperti menyebut selain nama Allah SWT ketika melakukan sembelihan.

Faedah:

1. Harus bagi wanita untuk menyembelih haiwan korban, tetapi lebih afdal bagi wanita mewakilkan orang lain untuk menyembelih bagi pihaknya. Begitu juga hukumnya bagi Khunsa¹⁰. Dia disunatkan agar menyaksikan penyembelihan itu dan bertakbir serta berselawat ke atas Nabi SAW.
2. Makruh bagi orang buta untuk menyembelih korban, kerana ditakuti dia melakukan kesilapan ke atas sembelihan.
3. Makruh bagi orang yang mabuk dan gila untuk menyembelih secara bersendirian kerana berkemungkinan dia melakukan kesilapan ketika menyembelih sehingga menyebabkan dia terbunuh haiwan tersebut.
4. Harus bagi kanak-kanak yang *mumayyiz* untuk menyembelih korban.
5. Makruh sembelihan bagi orang fasik, yang melakukan maksiat secara terang-terangan dan melakukan dosa besar.
6. Sunat untuk penyembelih, daripada kalangan orang-orang soleh dan bertaqwa.

Catatan: Orang yang paling berhak untuk menyembelih ialah lelaki Islam yang berakal, kemudian wanita Islam yang berakal, kemudian kanak-kanak Islam yang berakal, kemudian Ahli Kitab, kemudian orang gila dan mabuk.

¹⁰ Catatan penterjemah: Khunsa ialah seseorang yang mempunyai dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki dan juga kemaluan perempuan. Ataupun seseorang yang tidak memiliki kedua-duanya dan dia mempunyai lubang yang keluar daripadanya air kencing.

Tatacara Sembelihan Korban

- Sunat bagi peserta korban untuk menyembelih haiwan korbannya sendiri. Jika dia tidak mampu, maka boleh diwakilkan kepada orang lain.
- Penyembelih hendaklah berada dalam keadaan suci, menghadap kiblat, dan menggunakan pisau yang tajam.
- Penyembelih hendaklah berniat untuk melakukan ibadah korban.
- Disunatkan bagi penyembelih memastikan unta berada dalam keadaan berdiri sewaktu menyembelih. Adapun lembu dan biri-biri, hendaklah dibaringkan bahagian kirinya dan membiarkan kaki kanannya, kemudian mengucapkan:

بِسْمِ اللَّهِ أَكْبَرُ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Dan afdal:

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ

Kemudian melakukan penyembelihan dengan segera, serta memutuskan urat *halqum* (saluran pernafasan), dan urat *mari'* (saluran pemakanan).

- Berdoa kepada Allah SWT dengan lafaz (اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنِّي)
 - Penyembelih perlu mengetahui bahawa haiwan korban mempunyai roh, maka hendaklah memperlakukannya dengan lemah lembut, memberi makan dan minum, tidak menyembelih di hadapan haiwan lain, jangan berlengah ketika menyembelih, tidak menggunakan alatan yang tumpul, atau menyeksa haiwan dengan melukakan anggotanya sehingga lemah ketika ia masih hidup.
- Sabda Rasulullah SAW:

إِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذِّبْحَةَ

Maksudnya: Jika kamu menyembelih, maka elokkanlah penyembelihan.

(Riwayat Muslim)

Faedah:

1. Jika peserta korban hanya melakukan sekali takbir seperti yang dilakukan oleh orang ramai pada hari ini (بِسْمِ اللَّهِ أَكْبَرْ) hukumnya adalah harus dan dia telah mendapat pahala sunat. Namun, mengucapkan lafaz yang disebutkan di atas adalah yang paling sempurna.
2. Salah satu doa selepas menyembelih (اللَّهُمَّ مَنْهُ مُتْنَعٌ وَإِلَيْكَ فَتَعَبَّلْ).

Catatan: Disyaratkan sembelihan, dengan syarat-syarat berikut:

1. Niat: Iaitu bertujuan untuk melakukan ibadah korban.
2. Memutuskan *halqum*: Iaitu saluran pernafasan.
3. Memutuskan urat *mari'*: Iaitu saluran pemakanan.
4. *Al-Tazif*: Iaitu dengan memutuskan (kesemua urat-urat) dengan segera. Apabila pisau diletakkan pada leher haiwan korban dan hendaklah tidak diangkat pisau itu kecuali telah selesai penyembelihan supaya tidak menyeksa haiwan.¹¹

Kematian Haiwan Korban

Jika haiwan korban yang telah dinazarkan, *ta'yin* (ditentukan) itu mati, ataupun hilang sehingga tidak ditemui untuk disembelih, maka peserta korban tidak wajib menggantikannya dengan haiwan korban yang lain. Begitu juga hukumnya jika korban itu ialah korban sunat. Hal ini berdasarkan riwayat daripada Tamim bin Huwais al-Misri bahawa beliau berkata:

اَشْرَيْتُ شَاءَ بِيَنِي اُضْحِيَّةَ فَضَلَّتْ،
فَسَأَلْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا. فَقَالَ: لَا يَضُرُّكَ

Maksudnya: Aku membeli seekor kambing di Mina untuk dijadikan haiwan korban, tetapi kambing itu hilang, maka aku bertanya kepada Ibnu Abbas RA, dia berkata: ia tidak akan memudaratkan kamu.

(Riwayat al-Baihaqi)

¹¹ Catatan penterjemah: Tidak mengangkat pisau sehingga selesai sembelihan adalah sunat bagi memastikan haiwan mati dengan segera.

Imam Al-Shafi'i Rahimahullah berkata:

وَإِذَا اشْتَرَى الرَّجُلُ الصَّحِيَّةَ فَأَوْجَبَهَا أَوْ مَمْأَاتُهُ أَوْ ضَلَّتْ أَوْ سُرِقَتْ فَلَا بَدَلَ عَلَيْهِ

Maksudnya: Apabila seorang lelaki telah membeli haiwan korban, maka sama ada dia mewajibkan atas dirinya atau tidak, maka dia tidak perlu ganti haiwan tersebut sekiranya haiwan itu mati atau sesat, atau dicuri.

Adapun di sisi mazhab Hanafi haiwan itu perlu diganti.

Anak Daripada Haiwan Korban

Anak daripada haiwan korban yang wajib atas sebab nazar atau yang telah *dita'yin* (ditentukan) harus memakannya, kerana tidak semestinya larangan untuk makan daripada haiwan korban yang wajib itu menyebabkan memakan anaknya juga dilarang. Anak tersebut tidak diiktiraf sebagai haiwan korban disebabkan tidak cukup umur. Sebahagian ulama mengatakan bahawa tidak boleh (makan daging anak daripada haiwan korban yang wajib) kerana mengikuti hukum induknya. Adapun anak daripada haiwan korban sunat adalah lebih utama harus memakannya.

Adab Berkorban

1. Apabila tiba bulan Zulhijjah, peserta korban disunatkan untuk tidak mencukur sebarang bulu di kepalanya, wajahnya atau badannya dan tidak memotong kukunya sehingga dia selesai berkorban. Sabda Nabi SAW:

مَنْ كَانَ لَهُ ذِبْحٌ يَذْبَحُهُ، فَإِذَا أَهِلَّ هِلَالُ ذِي الْحِجَّةِ،
فَلَا يُأْخُذَنَّ مِنْ شَعِيرِهِ وَلَا مِنْ أَظْفَارِهِ شَيْئًا، حَتَّى يُضَحِّي

Maksudnya: Barangsiapa yang memiliki haiwan korban yang ingin dia korbankan, maka apabila dia telah melihat bulan Zulhijjah maka janganlah dia memotong sebahagian

dari pada rambutnya atau kukunya sehingga dia selesai berkorban.

(Riwayat Muslim)

Hikmahnya ialah: Menyerupai orang yang sedang berihram.

2. Disunatkan kepada peserta korban menyembelih sendiri haiwan korbannya, sekiranya dia tidak mampu, maka memadai ke atasnya menyaksikan penyembelihan tersebut.
3. Disunatkan penyembelih beragama Islam.
4. Disunatkan menajamkan pisau dan menekannya dengan kuat pada leher haiwan semasa proses sembelihan.
5. Menghadap kiblat kerana ia merupakan arah yang paling mulia.
6. Hendaklah membaringkan kambing atau lembu pada rusuk kirinya untuk pengeluaran darah yang cepat.
7. Membaca *basmalah*, sekurang-kurangnya (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ), dan paling sempurna (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). Bacaan *basmalah* adalah sunat dan tidak wajib. Diriwayatkan oleh Muslim bahawa Nabi SAW berkata ketika berkorban:
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَكْبَرٌ
8. Disunatkan bertakbir sebanyak satu kali atau tiga kali.
9. Disunatkan berdoa.
10. Disunatkan melakukan korban di rumah supaya semua keluarga dapat turut sama berdoa dan memperoleh ganjaran pahala, dan membawa kegembiraan kepada mereka dan keberkatan di dalam rumah.

11. Disunatkan memakan sebahagian daripadanya (daging korban) dan selebihnya disedekahkan. Al-Baihaqi meriwayatkan bahawasanya Nabi SAW bersabda:

وَكَانَ إِذَا رَجَعَ أَكَلَ مِنْ كَبِيدٍ أُضْحِيَهُ

Maksudnya: Apabila Rasulullah SAW pulang ke rumah, Baginda memakan bahagian hati daripada daging korbannya.

12. Jika ingin membahagikannya, disunatkan satu pertiga untuk dirinya dan keluarganya, satu pertiga untuk kaum kerabat, sahabat handai dan jiran. Satu pertiga lagi untuk disedekahkan kepada fakir miskin.

Perkara yang Disunatkan bagi Peserta Korban Apabila Terbitnya Hilal Bulan Zulhijjah

Apabila kelihatan hilal bulan Zulhijjah sehingga tiba waktu penyembelihan korban, disunatkan kepada mereka yang hendak melakukan korban untuk tidak menggunting rambutnya atau memotong kukunya menurut Jumhur. Dan hikmahnya adalah agar keseluruhan bahagian tubuh peserta korban dibebaskan daripada neraka. Perempuan dan lelaki sama halnya dalam perkara ini. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ كَانَ عِنْدَهُ ذَبْحٌ يُرِيدُ أَنْ يَذْبَحَهُ فَرَأَى هِلَالَ ذِي الْحِجَّةِ
فَلَا يَمْسِ مِنْ شَعْرِهِ وَلَا مِنْ أَظْفَارِهِ شَيْئًا حَتَّى يُضَحِّيَ

Maksudnya: Barangsiapa yang memiliki haiwan korban yang ingin dia korbankan, maka apabila dia telah melihat bulan Zulhijjah maka janganlah dia memotong sebahagian daripada rambutnya atau kukunya sehingga dia selesai berkurban.

(Riwayat Muslim)

Berbeza dengan mazhab Hanbali yang mengatakan bahawa haram mengambil (memotong) kuku dan rambut dalam tempoh tersebut.

Faedah: Penetapan ini khusus untuk peserta korban sahaja dan bukan untuk ahli keluarganya.

Permasalahan:

Sekiranya kuku seseorang peserta korban itu patah atau hampir tercabut, maka dibolehkan untuk membuangnya, dan tidak makruh.

Perhatian:

Harus bagi peserta korban apabila muncul hilal Zulhijjah sehingga tiba waktu penyembelihan untuk memakai minyak wangi dan melakukan persetubuhan dengan isteri, dan tiada dosa ke atasnya.

Permasalahan:

Makruh memotong mana-mana bulu dari tubuh badan peserta korban dan hukum makruh memotong bulu ini tidak tertumpu kepada kepala sahaja, bahkan hukum itu turut terpakai pada bulu lain seperti janggut, bulu dada atau bulu kaki.

Tatacara Pengagihan Daging Korban

Daging korban nazar itu diagihkan keseluruhannya kerana Allah SWT, iaitu diagihkan kepada orang fakir, miskin dan penuntut ilmu. Peserta korban dan orang di bawah tanggungan nafkahnya tidak boleh memakan daging korban tersebut, tetapi boleh diberikan kepada ahli keluarganya yang miskin dan berada jauh daripada ibu bapa, anak-anak dan isterinya. Maka harus untuk diagihkan kepada ibu saudaranya, bapa saudaranya dan jiran-jirannya dengan syarat mereka itu adalah golongan fakir miskin.

Dan sekiranya peserta korban nazar itu memakan sebahagian daripadanya (daging korban), wajib ke atasnya mengeluarkan (mengganti) dengan kadar yang sama sepertinya. Sebagai contoh, sekiranya dia memakan bahagian hati (haiwan korban), maka hendaklah dia membeli hati yang sama sepertinya daripada penjual daging serta mengagihkannya (menggantinya) kepada fakir miskin, dan begitulah seterusnya. Ini adalah menurut mazhab Hanafi dan Shafi'i.

Adapun korban sunat pada asalnya tiada sebarang syarat padanya, yang wajib adalah memastikan ada satu bahagian untuk orang fakir miskin, dan dia boleh mengambil lebihannya.¹² Adapun mengikut kebiasaan adalah membahagikannya kepada tiga bahagian.

Selagi mana dia mengambil untuk dirinya sendiri dan selebihnya disedekahkan, maka korban itu sah dan dikira telah mendapat pahala korban yang sempurna daripada Allah SWT. Hal ini kerana antara tujuan korban itu adalah menumpahkan (mengalirkkan) darah (haiwan).

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 28:

لِّيَشْهُدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ
عَلَىٰ مَا رَزَقْنَاهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوْهُمْ فَإِذَا أَطْعَمُوكُلُّهُمُ الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

Maksudnya: Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendarangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu atas kurniaan-Nya kepada mereka dengan haiwan ternak (untuk dijadikan korban). Maka, dengan itu makanlah kamu daripada (daging) haiwan-haiwan korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.

Dan dalam hadis Saidatina A'isyah RA berkata, bahawa para sahabat bertanya:

يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّ النَّاسَ يَتَخَذُونَ الْأَسْقِيَةَ مِنْ ضَحَّا يَاهُمْ وَيَجْعَلُونَ
فِيهَا الْوَدْكَ، قَالَ: وَمَا ذَاكَ؟ قَالُوا: هَيْئَتْ أَنْ تُؤْكِلَ لُحُومُ الْأَضَاحِيِّ
بَعْدَ ثَلَاثٍ، فَقَالَ: إِنَّمَا هَيْئَتُكُمْ مِنْ أَجْلِ الدَّافَةِ الَّتِي دَفَتْ، فَكُلُوْهُمْ
وَادْخُرُوهُ وَتَصْدِقُوهُ

Maksudnya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya manusia mengambil lemak daripada haiwan korban mereka dan

¹² Catatan penterjemah: Kadar minima yang wajib diberikan kepada fakir miskin ialah kadar setengah kat (300gram), iaitu cukup sekadar kenyang seorang makan. (Rujuk Matla' al-Badrain, Jil. 1, ms. 232)

menjadikannya sebagai bekas. Rasulullah berkata: Mengapa kamu bertanyakan hal ini? Mereka berkata: Dahulu kamu melarang kami untuk memakan daging korban selepas 3 hari. Maka baginda berkata: Sesungguhnya dahulu aku melarang kamu semua hanyalah kerana (aku mahu kamu menyedekahkannya kepada) orang Arab Badawi yang memerlukan itu. Sekarang kamu makanlah, kamu simpanlah dan kamu sedekahkanlah (daging korban).

(Riwayat Muslim)

Faedah: Maksud *daffat* iaitu sekumpulan orang fakir yang menetap di Madinah. Oleh itu, Rasulullah SAW melarang mereka (penduduk Madinah) menyimpan daging korban supaya orang fakir memperoleh daging korban tersebut. Sekiranya penduduk Madinah menyimpan daging korban pada tahun tersebut, maka akan memudaratkan mereka yang fakir.

Daripada hadis ini menunjukkan bahawa harus untuk menyimpan daging korban.

Faedah:

1. Di sisi mazhab Maliki dan Hanbali dibolehkan untuk makan daging korban nazar, seperti mana hukum korban sunat.
2. Jika peserta korban makan kesemua daging korbannya, dan tidak menyedekahkan sedikit pun, maka diharuskan, dan makruh di sisi mazhab Maliki dan Hanafi, adapun di sisi mazhab al-Shafi'i wajib menyedekahkan sebahagian daripada daging tersebut.¹³
3. Memberikan daging korban yang mentah kepada fakir miskin, kerana itu lebih bermanfaat bagi mereka, agar mereka tidak perlu segera menghabiskan daging itu.

Faedah: Afdal bersedekah dengan kesemua daging dan hanya makan sedikit sahaja daripadanya¹⁴ kerana itu lebih dekat kepada taqwa.

¹³ Catatan penterjemah: Kadar minima yang wajib diberikan kepada fakir miskin ialah kadar setengah kat (300gram), iaitu sekira-kira kenyang seorang makan.

¹⁴ Catatan penterjemah: Disunatkan untuk menjamah bahagian hati kerana mengikut sunnah Nabi SAW dan untuk mengambil berkat daripada daging korban.

Menyimpan Daging Korban

Harus bagi orang yang berkorban menyimpan sebahagian daripada daging korban sebanyak mana yang dia kehendaki sama ada ia adalah korban sunat, atau korban nazar. Tidak disyaratkan mengagihkan keseluruhan daging korban tersebut pada hari raya. Harus baginya untuk menyimpan sebahagian daripada daging tersebut untuk fakir miskin yang tidak berada di situ. Perkara yang wajib adalah proses sembelihan tersebut berlaku pada waktu *udhhiyyah* (Hari Raya Haji dan 3 hari Tasyriq). Adapun pengagihannya adalah mengikut keadaan. Sabda Nabi SAW:

كُلُوا وَأَطْعِمُوا وَادْخُرُوا

Makanlah, beri makan kepada orang lain, dan simpanlah
(sebahagian daging)

(Riwayat Muslim)

Perhatian: Apabila seseorang menyimpan daging korban sunat lalu sebahagian daging tersebut rosak, maka dia tidak wajib menggantikannya. Adapun sekiranya dia menyimpan daging korban nazar lalu rosak sebahagian daripada daging tersebut, maka dia wajib menggantikan daging tersebut dengan kadar yang sama.

Menghadiahkan Haiwan Korban

Haiwan korban dimiliki dengan *qabd* (serahan milik). Apabila seseorang menghadiahkan kepada seseorang unta, lembu atau kambing, maka diharuskan baginya untuk berkorban dengan haiwan yang dihadiahkan tersebut kerana haiwan tersebut telah menjadi miliknya dengan *qabd* (serahan milik).

Antara perkara yang disunatkan kepada orang yang kaya adalah menghadiahkan haiwan korban yang hidup kepada orang miskin dan orang yang memerlukan agar mereka dapat berkorban dengannya, mendapat pahala korban serta bersedekah dengan dagingnya. Diriyatkan daripada al-Bukhari:

قَسْمَ النَّبِيِّ ضَحَّا يَا يَيْنَ أَصْنَابِيِّ

Maksudnya: Nabi SAW membahagikan haiwan korban dalam kalangan para sahabatnya.

Perbuatan ini adalah digalakkan berdasarkan dalil umum ayat al-Quran dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالنَّفْوِ

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa.

Berkongsi Korban

Seekor kambing tidak sah melainkan untuk satu bahagian korban. Tidak sah berkongsi bahagian korban daripada seekor kambing. Sekiranya dua orang berkongsi duit untuk membeli seekor kambing, maka itu dianggap sebagai sedekah dan tidak sah korban mereka. Ini berdasarkan kepada hadis daripada Abu Ayyub:

كَانَ الرَّجُلُ فِي عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يُضَحِّي بِالشَّاةِ عَنْهُ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ فَيَأْكُلُونَ وَيُطْعَمُونَ

Maksudnya: Terdapat seorang lelaki pada zaman Rasulullah SAW berkurban dengan seekor kambing untuk dirinya dan untuk ahli keluarganya. Mereka makan dan bersedekah dengan korban tersebut.

(Riwayat al-Tirmizi dan beliau menghukumkan sebagai sahih)

Adapun unta, lembu dan kerbau: Sah korban daripada seorang individu, dan harus berkongsi dengan syarat orang yang berkongsi itu tidak lebih daripada tujuh orang. Berdasarkan hadis daripada Jabir RA:

نَحْنُ نَرْسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحُدَيْبِيَّةِ
الْبَدْنَةَ عَنْ سَبْعَةِ وَالْبَقَرَةَ عَنْ سَبْعَةِ

Maksudnya: Kami berkurban bersama dengan Rasulullah SAW di Hudaibiah seekor unta yang dibahagi tujuh (bahagian), dan seekor lembu yang dibahagi tujuh (bahagian).

Disyaratkan agar bahagian bagi setiap individu tidak kurang daripada sepertujuh (1/7).

Faedah:

1. Harus di sisi mazhab al-Shafi'i perkongsian berlaku pada lembu atau unta, sebahagian berkongsi dengan niat korban, sebahagian berkongsi dengan niat akikah atau sedekah dan lain-lain tujuan.
2. Wajib setiap bahagian itu dibahagi sama rata.
3. Harus perkongsian tersebut kurang daripada tujuh bahagian, asalkan tidak lebih daripada tujuh bahagian.
4. Bagi seorang individu, berkorban dengan seekor kambing adalah lebih afdal berbanding satu bahagian daripada seekor lembu.
5. Di sisi mazhab al-Shafi'i, berkorban dengan tujuh ekor kambing adalah lebih afdal berbanding seekor lembu atau unta.

Sebaik-Baik Jenis Korban

1. Haiwan korban yang terbaik ialah unta, kemudian disusuli dengan lembu, *dha'n* (biri-biri) dan *ma'iz* (kambing). Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 36:

وَالْبَدْنَ جَعَنَاهَا لَكُم مِّنْ شَعَائِرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا حَيْرٌ فَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهَا صَوَافٍ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبُهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْقَانِعَ وَالْمُعْتَرَّ كَذَلِكَ سَحْرَنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikianlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur.

2. Haiwan yang berwarna putih lebih *afdal* berbanding haiwan yang berwarna lain dan haiwan yang berwarna selain hitam adalah lebih *afdal* berbanding haiwan yang berwarna hitam.

Imam al-Mawardi menyebutkan: Daging daripada haiwan yang berwarna selain daripada hitam adalah lebih enak dan lebih baik.

Faedah:

1. Mazhab Maliki: Haiwan korban yang terbaik ialah *dho'n* (biri-biri) kemudian disusuli dengan lembu, dan unta. Dalil mereka ialah Nabi SAW berkorban dengan dua ekor *kibasy* iaitu daripada jenis *dha'n*.
2. Mazhab Hanafi: Haiwan yang lebih *afdal* ialah yang lebih banyak dagingnya. Maka yang paling *afdal* ialah unta, kemudian lembu, dan kambing.

Hukum Menjual Daging Korban

Tidak boleh menjual daging korban berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ هُنْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقْنَاهُمْ مِنْ بَحِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُّوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

Maksudnya: Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan haiwan ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) haiwan-haiwan korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.

Allah SWT menyebutkan dalam ayat tersebut mengenai perihal makan dan memberi makan daging korban menunjukkan bahawa menjualnya adalah haram. Hal ini kerana harta yang dikhurasukan untuk tujuan *taqarrub* (mendekatkan diri kepada Allah) adalah tidak boleh bagi

pelakunya menjual harta tersebut. Bahkan tidak ada dalil yang menunjukkan harus jual beli daging korban.

Faedah:

Sekiranya orang miskin mengambil daging korban, harus baginya menjual daging tersebut dengan apa-apa kaedah sekalipun kerana daging tersebut telah menjadi miliknya.

Permasalahan: Tidak dibenarkan menukar ganti daging korban dengan orang lain di sisi mazhab al-Shafi'i, tetapi ia diharuskan di sisi jumhur.

Hukum Menjual Kulit Haiwan Korban

Haram menjual kulit haiwan korban kerana ia mengambil hukum daging korban dari sudut haram menjualnya. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ بَاعَ جِلْدًا أُضْحِيَهُ فَلَا أُضْحِيَةَ لَهُ

Maksudnya: Barangsiapa yang menjual kulit haiwan korbannya, tiada korban baginya.

(Riwayat al-Baihaqi dan al-Hakim)

Harus bagi peserta korban mengambil manfaat daripada kulit tersebut, akan tetapi sekiranya dia bersedekah kepada fakir miskin maka itu adalah lebih afdal.

Faedah:

Orang yang berkorban tidak boleh menjual kulitnya dan memberikan nilainya kepada orang miskin, bahkan dia mesti memberikan kulit tersebut kepada orang miskin dan mereka berhak menentukan kaedah mengambil manfaat daripada kulit tersebut sama ada mereka ingin menjualnya atau lain-lain berdasarkan keperluan mereka.

Susu Haiwan Korban

Harus meminum susu haiwan korban di sisi mazhab al-Shafi'i dan Hanbali. Diriwayatkan daripada Imam al-Baihaqi daripada al-Mughirah bin Hazaf al-'Absi beliau berkata: Suatu hari kami bersama dengan Ali - *Karamallahu Wajhah* - di sisi rahbah. Maka Rasulullah SAW datang

daripada Hamdan dengan membawa seekor lembu beserta anaknya (lembu) lalu bersabda: Aku membelinya untuk aku berkurban akan tetapi dia telah beranak. Baginda bersabda: Maka janganlah kalian minum daripada susunya melainkan lebihan daripada anaknya. Apabila tiba hari untuk menyembelih, sembelihlah ia dan anaknya dengan tujuh bahagian.

Makruh minum susu haiwan korban di sisi mazhab Maliki, manakala di sisi mazhab Hanafi hukumnya makruh *tahrim* dan mereka berpendapat susunya hendaklah disedekahkan.

Permasalahan: Haram menjual susu haiwan korban dan disunatkan untuk bersedekah dengannya.

Hukum Memanfaatkan¹⁵ Haiwan Korban

Apabila telah *dita'yin* (ditentukan) haiwan korban, maka di sisi Allah SWT statusnya adalah sedekah ataupun nazar. Justeru, tidak boleh bagi pelakunya memanfaatkannya sama ada bagi tujuan jual, pajak atau menghadiahkannya kepada orang lain.

Upah Tukang Sembelih

Tidak boleh memberikan daging, kulit atau mana-mana bahagian haiwan korban kepada tukang sembelih sebagai upah. Dalilnya ialah daripada perkataan Sayyidina Ali RA:

أَمْرَيْتِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَقْوَمَ عَلَى بُدْنِيهِ
وَأَنْ أَتَصَدِّقَ بِلَحْمِهَا وَجُلُودِهَا وَأَجْلَتِهَا وَأَنْ لَا أُعْطِيَ الْجُزَّارَ مِنْهَا
قَالَ: نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا

Maksudnya: Rasulullah SAW memerintahkan kepadaku untuk menguruskan haiwan korbannya dan membahagikan daging, kulit dan serta mengurus segala sesuatu yang berhubungan dengan kesempurnaan korban. Dan aku tidak dibenarkan memberikan kepada tukang sembelih apa-apa

¹⁵ Nota penterjemah: Dalam bahasa arab disebut sebagai *Tasarruf*.

bahagian darinya. Ali berkata: Kami membayar upahnya daripada kos kami sendiri.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menjadi tanggungjawab orang yang berkorban untuk memberikan upah kepada tukang sembelih dengan kosnya sendiri, setelah itu barulah boleh diberikan kepada mereka daging (sebagai sedekah) atau boleh juga jika mereka tidak mahu memberikan daging kepada tukang sembelih tersebut.

Faedah:

Harus memberikan daging korban kepada tukang sembelih sekiranya tukang sembelih adalah dalam kalangan fakir miskin, tetapi itu tidak dianggap sebagai upah sembelih. Begitu juga hukum memberikan kulit kepadanya.

Sembelihan dan Hutang

1. Sekiranya telah tiba tempoh untuk membayar hutang, maka membayar hutang adalah lebih utama daripada melakukan korban kerana membayar hutang hukumnya wajib sedangkan berkorban hukumnya adalah *sunnah muakkadah*.
2. Harus bagi orang yang berkorban untuk meminjam secara *qardul hasan* untuk melakukan korban. Akan tetapi, kenapa memaksa diri dalam keadaan tidak mampu melakukan korban? Sedangkan ibadah korban ini adalah disunatkan bagi mereka yang berkemampuan.

Menyewa Haiwan korban

Berlaku di sebahagian kawasan kampung, mereka menyewa haiwan korban dan meletakkan haiwan korban di hadapan rumah untuk menunjuk-nunjuk kepada orang ramai bahawa mereka akan berkorban pada tahun itu. Kemudian mereka memulangkan semula haiwan tersebut kepada pemiliknya dengan membayar harga sewaan. Hukum perbuatan ini adalah tidak dibenarkan kerana melakukan perkara dengan tujuan untuk menunjuk-nunjuk. Selain itu, perbuatan ini juga

tidak mencapai tuntutan syiar yang diharapkan daripada ibadah korban dan tidak memberi manfaat kepada golongan fakir miskin.

Berkorban dan Bersedekah dengan Nilai

Pada hakikatnya, berkorban adalah suatu bentuk sedekah iaitu memberikan daging pada waktu tertentu yang akan habis *fadilat* korban dengan tamatnya waktu tersebut. Adapun bersedekah dengan harta (nilai matawang) boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja. Maka, pada Hari Raya Korban serta tiga hari Tasyriq, sedekah yang paling afdal khususnya pada waktu tersebut ialah melakukan korban. Adapun sekiranya dia bernazar (untuk melakukan korban), maka tidak sah dia bersedekah dengan harta, bahkan dia wajib melakukan korban.

Berkorban Dengan Harta Anak Yatim

Anak yatim ialah mereka yang kematian bapanya dalam keadaan dia belum akil baligh. Manakala bagi seorang perempuan yang kematian bapanya, dia akan kekal berstatus yatim sehingga dia berkahwin. Yang dimaksudkan dengan berkorban dengan harta anak yatim ialah wali melakukan korban untuk anak yatim dengan menggunakan harta anak yatim. Maka, anak yatim tersebut akan mendapat pahala korban.

Menurut mazhab al-Shafi'i, tidak sah seorang wali melakukan korban dengan menggunakan harta anak yatim, begitu juga tidak boleh dia bersedekah dengannya. Manakala Imam Abu Hanifah pula mengharuskannya sekiranya anak yatim tersebut kaya.

Hukum Memindahkan Daging Korban

Peserta korban hendaklah mengagihkan daging korbannya kepada fakir miskin dalam kalangan jiran tetangganya terlebih dahulu, kemudian kepada fakir miskin dalam kawasan yang lain. Dia tidak boleh memindahkan daging korban ke tempat lain sebagaimana hukum tidak boleh memindahkan agihan zakat ke kawasan lain. Menurut Jumhur, harus memberikan daging korban kepada fakir miskin yang berada dalam lingkungan jarak qasar.

Di sisi mazhab Hanafi, makruh memindahkan daging korban daripada satu kawasan ke kawasan yang lain. Melainkan jika dia ingin memberikan daging korban kepada ahli keluarganya, atau kepada pihak yang lebih memerlukan, maka hukumnya adalah harus dan tidak makruh diberikan kepada mereka.

Hukum Melakukan Korban untuk Si Mati

Harus melakukan korban untuk si mati jika beliau telah mewasiatkan agar dilakukan korban untuknya, atau mengizinkan kepada warisnya dalam keadaan dia masih hidup. Jika tiada wasiat atau keizinan daripada si mati, tidak sah korban yang dilakukan. Ini adalah pandangan mazhab al-Shafi'i.

Manakala menurut mazhab Hanafi dan Hanbali, harus dan sah korban untuk si mati dan menghadiahkan pahala korban tersebut kepada si mati sama ada dia mewasiatkannya atau tidak. Adapun mazhab Maliki berpandangan makruh dilakukan sedemikian.

Korban & Hadyu Ketika Ibadah Haji

Sunat menyembelih haiwan korban di tempat sembelihan atau di tempat lain yang bersesuaian. Manakala *Hadyu*¹⁶ tidak boleh disembelih melainkan di Mina.

Hadyu disembelih kerana seseorang itu telah melakukan perkara yang ditegah ketika haji atau meninggalkan perkara wajib haji. Justeru, tidak boleh menyembelih seekor kambing dengan menggabungkan niat korban dan *hadyu*.

Amalan yang Paling Afdal dilakukan Pada Hari Raya Korban

Amalan yang paling dicintai oleh Allah semasa Hari Raya Korban ialah melakukan sembelihan haiwan korban. Hukumnya adalah *sunnah muakkadah* berdasarkan hadis daripada Rasulullah SAW. Namun begitu, ia terikat kepada waktu yang tertentu. Ia merupakan sedekah yang

¹⁶ Nota penterjemah: *Hadyu* ialah haiwan ternakan (unta, lembu dan kambing) yang wajib dijadikan korban oleh jemaah haji di tanah haram bagi membayar *dam* (denda).

paling afdal pada hari tersebut, walaupun sedekah disunatkan pada setiap waktu. Jadi, sebagai seorang Muslim hendaklah berusaha untuk melakukan sedekah pada hari tersebut dengan melakukan sembelihan korban, meninggalkannya bagi yang mampu adalah makruh, hal ini kerana ibadah korban merupakan salah satu daripada syiar Islam.

3

Fatwa-fatwa Berkaitan Ibadah Korban

BAHAGIAN 2 Fatwa – fatwa Berkaitan Ibadah Korban

Soalan 1

S: Saya hendak melakukan ibadah korban pada tahun ini dan saya mempunyai duit yang banyak, jadi apakah haiwan ternakan terbaik yang boleh disembelih?

J: Sembelihlah haiwan yang boleh memberi banyak manfaat kepada manusia iaitu haiwan yang lebih banyak dagingnya (unta atau lembu).

Soalan 2

S: Adakah lebih baik berkongsi bahagian lembu atau menyembelih seekor biri-biri?

J: Menyembelih seekor biri-biri lebih baik daripada berkongsi bahagian lembu.

Soalan 3

S: Terdapat lima orang telah berkongsi seekor lembu, kemudian salah seorang daripada mereka berkata, mesti berkongsi tujuh bahagian, maka apakah hukumnya?

J: Hendaklah berkongsi tujuh bahagian pada seekor lembu korban seperti yang dinyatakan dalam hadis, tetapi ia merupakan had maksimum bukannya minimum. Sekiranya berkongsi lebih daripada tujuh bahagian, maka ia terbatal. Adapun jika berkongsi kurang daripada tujuh bahagian, ia dibolehkan.

Soalan 4

S: Sekumpulan manusia berkongsi seekor lembu, sebahagian mereka hendak melakukan ibadah korban, sebahagiannya hendak melakukan akikah dan sebahagian lagi hendak mengambil daging tersebut. Maka adakah ia dibolehkan?

J: Yang demikian harus di sisi mazhab al-Shafi'i.

Soalan 5

S: Adakah dibolehkan melakukan ibadah korban dengan menggunakan duit zakat?

J: Tidak boleh berbuat demikian kerana duit zakat yang dikeluarkan adalah daripada wang orang yang membayar zakat. Untuk ibadah korban mesti menggunakan wang lain. Tidak boleh orang yang membayar zakat membelanjakannya pada harta milik Allah melainkan jika untuk golongan yang diizinkan oleh Allah SWT. Korban juga tidak termasuk dalam salah satu daripada golongan asnaf (daripada lapan asnaf) yang boleh diagihkan zakat untuknya.

Soalan 6

S: Masjid ada menyediakan tabung derma untuk ibadah korban adakah ia dibolehkan?

J: Ia tidak dikira sebagai ibadah korban kerana ia akan menyebabkan seekor kambing itu dimiliki oleh lebih daripada seorang, manakala untuk lembu pula akan dimiliki oleh lebih daripada tujuh orang. Maka tidak sah ibadah korban dengan cara tersebut. Maka haiwan korban yang dibeli dan disembelih dengan wang tersebut tidak berstatus korban tetapi berstatus sedekah biasa.

Soalan 7

S: Terdapat syarikat yang mengumpulkan duit untuk melakukan ibadah korban sebagai wakil daripada pemiliknya. Adakah perkara ini diharuskan?

J: Jika seseorang Muslim membayar harga korban kepada syarikat dan mewakilkan pihak syarikat untuk membeli haiwan tersebut serta menyembelih bagi pihaknya maka ianya sah dan dibenarkan, serta tertakluk kepada syarat-syarat korban yang ditetapkan.

Soalan 8

S: Apakah hukum masjid mengumpulkan kulit haiwan korban?

J: Harus bagi peserta korban untuk mendermakan kulit haiwan korban kepada masjid kemudian masjid menjualnya.

Soalan 9

S: Imam masjid mengumpulkan duit daripada jemaah untuk menyertai bahagian-bahagian bagi melakukan korban seekor lembu? Adakah perkara ini diharuskan?

J: Harus dengan syarat bahagian tersebut tidak melebihi tujuh bahagian (penama) untuk seekor lembu, dan perbuatan ini juga termasuk dalam bab saling bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain yang dituntut oleh Islam.

Soalan 10

S: Apakah hukum orang yang menyembelih haiwan korban dan menumpahkan darahnya di jalanan?

J: Melakukan ibadah korban itu sunnah, adapun menumpahkan darah di jalanan boleh menyusahkan orang ramai dan itu adalah perbuatan yang haram. Oleh itu, orang yang melakukan ibadah korban hendaklah menjauhi perbuatan tersebut. Daripada Abi Barzah RA berkata:

يَا نَبِيَّ اللَّهِ عَلِمْنِي شَيْئًا أَنْتَفِعُ بِهِ قَالَ: اعْزِلُ الْأَذَى عَنْ طَرِيقِ
الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Wahai Nabi Allah, ajarilah aku sesuatu yang bermanfaat, Rasulullah SAW berkata: singkirkanlah kotoran daripada jalan kaum Muslimin.

(Riwayat Muslim)

Soalan 11

S: Saya melakukan sembelihan ibadah korban di Kaherah, saya mempunyai saudara mara yang miskin di Iskandariah. Adakah boleh saya memindahkan daging korban tersebut?

J: Harus memindahkan daging korban ke tempat lain sekiranya di sana terdapat orang miskin atau saudara mara yang lebih memerlukan.

Soalan 12

S: Saya bermusafir ke bahagian barat tanah Arab, adakah perlu saya lakukan ibadah korban di sini atau di Kaherah?

J: Lakukanlah ibadah korban di tempat yang kamu berada (pada Hari Raya Korban) dan diharuskan orang lain menyembelih bagi pihak kamu di Kaherah.

Soalan 13

S: Kami mempunyai jiran bukan Islam, adakah boleh kami memberinya daging korban?

J: Jika diniatkan daging korban itu sebagai sedekah, maka ia dibolehkan di sisi mazhab Hanafi tetapi tidak dibolehkan di sisi mazhab al-Shafi'i. Adapun begitu, jika ia niatkan sebagai korban nazar, maka orang bukan Islam tidak boleh mengambil daging tersebut dan ia khas untuk orang Islam sahaja kerana daging tersebut merupakan daging ibadah.

Soalan 14

S: Sebahagian orang ada mengatakan bahawa alat (pisau) yang digunakan untuk sembelihan mestilah mempunyai tiga bilah?

J: Kata-kata ini tidak benar, yang paling penting ialah alat tersebut tajam iaitu mudah untuk menyembelih haiwan korban.

Soalan 15

S: Adakah boleh lakukan ibadah korban dengan arnab atau ayam jantan?

J: Tidak sah menjadikan arnab atau ayam jantan sebagai haiwan korban. Di sisi Jumhur, haiwan korban mestilah daripada jenis haiwan ternakan, seperti unta, lembu, kambing biri-biri dan kambing. Akan tetapi jika sembelihan berlaku pada haiwan yang disebutkan ia berstatus sedekah dan boleh diberikan kepada orang ramai.

Soalan 16

S: Apakah hukum sembelihan dilakukan pada waktu malam?

J: Menurut Jumhur, makruh sembelihan dilakukan pada waktu malam namun ibadah korban tersebut sah, manakala di sisi mazhab Maliki ia tidak sah.

Soalan 17

S: Apakah hukum korban yang dilakukan oleh seseorang yang meninggalkan solat?

J: Menurut Jumhur, sah ibadah korban tersebut kerana orang yang meninggalkan solat masih berpegang dengan akidahnya. Meninggalkan solat kerana malas merupakan perbuatan fasik bukan kafir (tidak menyebabkan seseorang keluar daripada Islam). Hal ini berbeza dengan mazhab Hanbali yang menghukumkan orang yang meninggalkan solat sebagai keluar daripada Islam.

Soalan 18

S: Apakah hukum sembelihan orang Ateis?

J: Sembelihan mereka menjadi bangkai dan bukannya ibadah korban, ini kerana orang Ateis adalah bukan Islam dan bukan ahli kitab.

Soalan 19

S: Seorang lelaki mengahwini dua orang perempuan, kedua-duanya mendapat anak daripada perkahwinan tersebut. Setiap isteri tinggal di rumah berasingan bersama anak-anaknya. Adakah memadai melakukan satu korban sahaja untuk mereka semua?

J: Ia diharuskan kerana Nabi SAW pernah melakukan satu korban sahaja untuk semua isteri Baginda dan ahli rumahnya. Ini kerana nafkah adalah kewajipan bagi seorang ayah dan ia meliputi kedua-dua rumah.

Soalan 20

S: Terdapat pertubuhan kebajikan yang mengumpulkan daging korban dan mengagihkannya kepada fakir miskin, adakah ia diharuskan?

J: Harus melakukan sedemikian dan mereka akan mendapat pahala atas usaha tersebut.

Soalan 21

S: Seorang isteri bekerja di sebuah syarikat dan mempunyai gaji serta tanggungan kewangan yang berasingan daripada suaminya. Si isteri ingin melakukan ibadah korban, adakah boleh si isteri melakukan ibadah korban bagi pihak suami dan anak-anaknya?

J: Sah bagi dirinya sahaja.

Soalan 22

S: Penyembelih datang dan menetapkan syarat upah sebanyak 50 *pound* termasuk kulitnya, adakah sah ibadah korban tersebut?

J: Penyembelih tidak boleh mengambil kulit atau daging ibadah korban tersebut sebagai upah, beliau hanya boleh diberi upah dengan wang sahaja.

Soalan 23

S: Adakah boleh penyembelih mengambil daging korban jika beliau merupakan golongan fakir miskin?

J: Setelah penyembelih menerima upahnya secara sempurna dalam bentuk wang tunai, boleh baginya mengambil daging korban atau kulit atas sebab beliau seorang fakir miskin bukan atas sebab upah sembelihan.

Soalan 24

S: Adakah disyaratkan penyembelih mestilah orang Islam?

J: Lebih afdal penyembelih seorang yang beragama Islam, soleh dan bertaqwa. Diharuskan juga bagi ahli kitab, adapun selain daripada keduanya ia tidak harus.

Soalan 25

S: Apakah hukum mencukur bulu korban sebelum disembelih?

J: Dibolehkan mencukur bulu haiwan korban dan mengambil manfaat daripadanya sebelum korban dilakukan dengan syarat ia tidak memudaratkannya (tidak mengurangkan dagingnya).

Soalan 26

S: Apakah hukum melakukan ibadah korban bagi orang yang telah meninggal dunia?

J: Jika orang yang meninggal tersebut mewasiatkan untuk melakukan ibadah korban sebelum beliau meninggal maka sempurnakanlah wasiatnya dengan syarat tidak melebihi 1/3 daripada hartanya. Adapun jika seseorang hendak melakukan ibadah korban bagi orang yang telah meninggal dunia, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Kami mengambil pendapat yang membenarkannya kerana ia adalah untuk kemaslahatan bagi fakir miskin dan mendapat ganjaran pahala.¹⁷

Soalan 27

S: Saya dan rakan-rakan mengumpulkan wang untuk sebuah badan kebaikan. Adakah harus saya melakukan ibadah korban dengan wang tersebut? Dalam keadaan mereka mengetahui bahawa nama saya diletakkan sebagai penama untuk bahagian korban tersebut.

J: Harus melakukan demikian¹⁸

Soalan 28

S: Apakah hukum saya meminjam wang daripada saudara mara untuk melakukan ibadah korban?

J: Ibadah korban disunatkan kepada yang berkemampuan, ia bukanlah suatu kewajipan. Oleh itu, seseorang itu tidak akan dibebankan dengan apa yang tidak mampu ditanggungnya. Walau bagaimanapun, ibadah korban tersebut sah dan harus untuk dilakukan dengan meminjam wang.

Soalan 29

S: Apakah hukum ibadah korban menggunakan duit yang haram?

J: Allah SWT itu Maha Baik dan hanya menerima yang baik. Ibadah korban tersebut sah kerana telah memenuhi syarat-syarat korban tetapi ia tidak mendapat pahala.

¹⁷ Catatan penterjemah: Ini adalah pandangan Abu al-Hasan al-'Abadi yang dinukilkkan dalam kitab al-Majmu' kerana ibadah korban adalah suatu bentuk sedekah, dan sedekah sah dilaksanakan untuk si mati dan sampai pahala kepadanya menurut *ijmak*.

¹⁸ Catatan penterjemah: Rakan-rakannya mendapat pahala sedekah (hibah jumlah wang tersebut kepadanya), manakala penama atau peserta korban mendapat pahala korban.

Soalan 30

S: Adakah anak yatim yang masih kecil¹⁹ boleh melakukan ibadah korban daripada wangnya?

J: Mazhab al-Shafi'i dan Hanbali menyatakan bahawa anak kecil tidak boleh menggunakan wangnya untuk melakukan ibadah korban, jika dia sudah baligh maka disunatkan baginya untuk melakukan ibadah korban.

Soalan 31

S: Suami saya mampu, tetapi beliau tidak mahu melakukan ibadah korban, adakah boleh saya mengambil wangnya tanpa keizinannya?

J: Tidak boleh. Ini kerana ibadah korban memerlukan kepada niat dan ibadah korban itu hukumnya sunat. Maka tidak boleh mengambil wangnya tanpa izin.

Soalan 32

S: Adakah harus bagi orang fakir miskin selepas mengambil daging korban, menyedekahkannya kepada orang lain?

J: Harus. Semoga Allah menerima amal perbuatannya.

Soalan 33

S: Adakah dibolehkan bagi fakir miskin mengambil daging korban dan menjualnya?

J: Jika peserta korban itu telah memberikan daging kepada fakir miskin, maka daging tersebut telah menjadi miliknya dan mereka boleh melakukan apa sahaja yang dikehendakinya.

Soalan 34

S: Adakah boleh membeli daging daripada penyembelih dengan harga korban dan diagihkan kepada fakir miskin pada Hari Raya Eidul Adha?

J: Ibadah korban adalah menyembelih haiwan ternakan (unta, lembu, biri-biri dan kambing) pada hari raya dan menumpahkan darah korban yang merupakan salah satu daripada syiar Islam. Oleh itu, tindakan yang dilakukan dalam soalan ini berstatus sedekah bukannya korban.

¹⁹ Catatan penterjemah: Belum diberi hak untuk mengurus hartanya sendiri. Kanak-kanak tidak *mukallaf* dan mereka belum ada kelayakan untuk menggunakan hartanya sendiri secara sempurna (*ahliyah al-ada' naqisoh*).

Soalan 35:

S: Adakah lebih baik menyembelih korban di tempat penyembelihan atau di rumah?

J: Disunatkan menyembelih korban di rumah kerana terdapat keberkatan padanya, namun harus dilakukan di tempat penyembelihan.

Soalan 36:

S: Adakah disunatkan korban pada setiap tahun?

J: Disunatkan sekali seumur hidup, dan jika mampu berkali-kali ianya diharuskan.²⁰

Soalan 37:

S: Saya tinggal rumah berasingan daripada abang saya, adakah boleh kami berpakat dengan membeli seekor biri-biri untuk dijadikan korban?

J: Seekor biri-biri adalah untuk seorang, dan selagi mana ada kebebasan (*استقلال*)²¹, maka tidak cukup seekor untuk dua orang.²²

Soalan 38:

S: Sembelihan korban adalah sunat bagi yang berkemampuan, maka apakah had kemampuan tersebut?

J: Seseorang dikira mampu apabila mempunyai harta melebihi daripada keperluannya (mampu) dan orang yang berada di bawah tanggungannya dan orang yang mampu membayar harga korban.

Soalan 39:

S: Apakah hukum sembelihan korban pada waktu malam?

J: Lebih baik dilakukan pada waktu siang, namun sah juga di waktu malam.

²⁰ Catatan penterjemah: Ibadah korban adalah *sunnah muakkadah* pada setiap tahun bagi orang yang berkemampuan.

²¹ Catatan penterjemah: *Istiqbal* bererti seseorang itu tidak berada di bawah tanggungan wajib seseorang. Bererti tidak sah berkongsi haiwan korban dengan orang lain yang tidak berada di bawah tanggungannya.

²² Catatan penterjemah: Seekor kambing atau satu bahagian lembu/unta adalah untuk seorang individu sahaja.

Soalan 40:

S: Apakah hukum sembelihan sebelum solat Eidul Adha ?

J: Sembelihan itu dianggap sedekah dan bukanlah berstatus korban kerana ia dilakukan bukan pada waktunya (waktu sembelihan korban adalah selepas selesai solat Eidul Adha dan khutbah hingga akhir hari Tasyriq)

Soalan 41:

S: Apakah hukum sembelihan selepas solat Eidul Adha dan sebelum khutbah?

J: Tidak harus menurut Jumhur , namun harus menurut mazhab Hanafi

Soalan 42:

S: Apakah hukum berkongsi kurang daripada 1/7 bahagian lembu?

J: Tidak sah, bahkan ia hanya berstatus sedekah.

Soalan 43:

S: Apakah hukum memakan daging korban yang diniatkan untuk nazar?

J: Jika ia mewajibkan ke atas dirinya sesuatu, maka tidak boleh ia mengambil manfaat daripadanya, maka hendaklah dia mengagihkan keseluruhan daging korban untuk golongan fakir dan miskin. Ini menurut mazhab al-Shafi'i dan Hanafi, manakala harus menurut mazhab Hanbali dan Maliki untuk memakan sebahagian daripada korban tersebut seperti hukum korban sunat.

Soalan 44:

S: Seorang itu menyembelih haiwan korban dan tidak disedekahkan walau sedikit daripadanya?

J: Menurut Mazhab al-Shafi'i wajib disedekahkan walaupun kadar sedikit²³, dan makruh menurut mazhab Hanafi dan Maliki.

²³ Catatan penterjemah: Kadar minima yang wajib diberikan kepada fakir miskin ialah kadar setengah kati (300gram), iaitu sekadar cukup kenyang seorang makan.

Soalan 45:

S: Amalan manakah yang paling disukai oleh Allah pada hari korban, sedekah atau korban?

J: Sembelihan korban lebih disukai bagi seorang muslim pada hari korban.

Soalan 46:

S: Apakah hukum menyembelih korban untuk Jemaah haji di Mina?

J: Harus menurut jumhur dan makruh menurut Mazhab Maliki.

Soalan 47:

S: Manakah lebih afdal penyembelih lelaki atau perempuan?

J: Penyembelih lelaki lebih afdal.

Soalan 48:

S: Ada sebahagian golongan miskin datang ke rumah, tetapi pada Hari Raya Korban, mereka pulang ke negara asal mereka, adakah perlu kita menyimpan daging korban tersebut sehingga mereka pulang selepas hari raya?

J: Harus untuk melakukan seperti mana yang disebut dalam soalan, sekalipun mereka pulang selepas hari raya.

Soalan 49:

S: Apakah hukum sembelihan haiwan korban yang hamil?

J: Jika haiwan sembelihan itu disembelih dan terdapat bayi di dalam rahimnya. Hukum si anak adalah *Tabi'* (mengikut) - sembelihan si anak juga berlaku ketika sembelihan si ibu-. Adapun jika didapati si anak itu hidup, wajib menyembelihnya.

Soalan 50:

- S: Adakah disyaratkan untuk berniat ketika melakukan korban dan bilakah niat perlu dilaksanakan?
- J: Berkorban merupakan satu ibadah yang memerlukan kepada niat. Dan niat perlu dihadirkan ketika menyembelih haiwan korban, sabda Nabi Muhammad SAW :

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى

Maksudnya: Perbuatan hanya dinilai berdasarkan niat dan seseorang hanya akan memperoleh apa yang dia niatkan.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Soalan 51:

- S: Ketika seseorang itu menyembelih biri-biri pada Hari Raya Eidul Adha dan berniat mencampurkan ibadah korbannya itu dengan akikah. Adakah perbuatannya itu dibolehkan ?

J: Menurut pandangan mazhab al-Shafi'i, tidak dibenarkan untuk mencampurkan atau menggabungkan niat ibadah korban dan akikah pada satu bahagian atau pun dengan menyembelih satu ekor biri biri sahaja kerana kedua-dua ibadah tersebut adalah berbeza pada dzatnya atau tujuannya (*maqsūdah li zātihi*). Manakala bagi pandangan mazhab Hanafi dibolehkan mencampurkan atau menggabungkan niat ibadah korban dan akikah pada satu bahagian sembelihan atau pada seekor kambing biri-biri.

Soalan 52:

- S: Adakah sah korban jika menyembelih kerbau?

J: Dibolehkan berkorban dengan menyembelih kerbau dengan *qiyyas* kepada lembu. Hendaklah diambil kira semua hukum-hakam lembu yang boleh disembelih sebagai korban daripada sudut umur, dan juga pada bahagian perkongsian.

Soalan 53:

- S: Apakah hukum berkorban dengan haiwan yang dikasi?

J: Harus berkorban dengan haiwan yang dikasi kerana ia tidak mengurangkan isi daging haiwan korban.

Soalan 54:

- S: Apakah hukum berkorban dengan kambing yang tiada tanduk?
- J: Dbolehkan berkorban dengan kambing yang tiada tanduk selagi mana ia tidak mengurangkan isi dagingnya.

Soalan 55:

- S: Apakah hukum perempuan menyembelih bagi ibadah korban?
- J: Dbolehkan sekalipun dia berada dalam keadaan haid.

Soalan 56:

- S: Apakah hukum orang buta menyembelih haiwan korban?
- J: Hukumnya adalah makruh kerana mungkin berlaku kesilapan. Namun, sembelihan tersebut adalah sah.

Soalan 57:

- S: Apakah hukum berkorban bagi keluarga yang sedang dalam keadaan musafir?
- J: Diharuskan kerana Rasulullah SAW pernah melakukan korban bagi ahli keluarga beliau yang sedang dalam keadaan musafir.

Soalan 58:

- S: Seorang lelaki dihadiahkan kepadanya biri-biri, adakah dia boleh berkorban dengan biri-biri itu?
- J: Jika biri-biri itu telah dihadiahkan kepadanya maka haiwan tersebut telah menjadi miliknya. Harus bagi pemilik untuk memanfaatkan kambing biri-biri tersebut untuk apa-apa tujuan yang ia kehendaki.

Soalan 59:

S: Adakah daging korban perlu dimasak untuk disedekahkan kepada golongan fakir?

J: Pada asalnya, daging korban hendaklah diedarkan dan diagihkan dalam keadaan mentah kepada golongan fakir kerana daging tersebut dapat dimanfaatkan oleh mereka mengikut cara yang mereka kehendaki dan ini lebih bermanfaat bagi mereka.

Menurut sebahagian ulama, harus daging korban diagihkan kepada golongan fakir dalam keadaan masak. Namun, orang fakir terpaksa menghabiskan daging yang telah dimasak tersebut dalam waktu yang singkat.

Soalan 60:

S: Adakah boleh seseorang melaksanakan korban untuk orang lain yang masih hidup?

J: Tidak boleh kecuali dengan izin orang tersebut kerana korban ialah satu ibadah. Dan tidak dituntut kepada seseorang oleh syarak untuk melakukan korban bagi pihak orang lain kecuali pemerintah. Hal ini kerana pemerintah boleh menyembelih untuk dirinya sendiri dan juga untuk kaum muslimin yang lain.

Soalan 61:

S: Seorang perempuan yang hamil, adakah boleh suaminya membuat sembelihan untuk janin yang berada di dalam kandungan isterinya?

J: Tidak sah sembelihan korban itu untuk janin yang berada di dalam kandungan melainkan anak itu telah lahir ketika waktu sembelihan korban dilakukan.

Soalan 62:

S: Adakah dibolehkan bagi seseorang untuk melakukan sembelihan korban banyak kali untuk dirinya sendiri?

J: Dibolehkan berbuat sedemikian, kerana perbuatan tersebut menambahkan kebaikan dan keberkatan. Tetapi tidak dibolehkan jika sebaliknya. Iaitu tidak dibolehkan bagi dua individu yang tinggal berasingan berkongsi sembelihan korban pada seekor kambing.

Soalan 63:

- S: Apakah hukum menyembelih biri-biri yang hamil?
- J: Menurut mazhab al-Shafi'i menyembelih haiwan yang hamil adalah tidak sah.

Soalan 64:

- S: Apakah yang dituntut kepada penyembelih ketika menyembelih?
- J: Beberapa perkara yang dituntut, antaranya: Niat untuk mendekatkan diri kepada Allah, kerana niat itu akan mendapat pahala korban tersebut, niat itu yang membezakan antara menunjuk-nunjuk (*riak*) atau ikhlas dan membezakan antara kebiasaan (adat) atau ibadah. Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ إِمْرَءٍ مَا نَوَى

Maksudnya: Amalan-amalan itu hanyalah tergantung pada niatnya. Dan setiap orang itu hanyalah akan dibalas berdasarkan apa yang ia niatkan.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dan tempat niat adalah dalam hati dan melafazkan dengan niat adalah dituntut, dan ia adalah penegasan apa yang ada di dalam hati.

Diharuskan bagi penyembelih berniat korban dan mewakilkan kepada orang lain untuk menyembelih haiwan korban tersebut. Jika wakil itu berniat untuk dirinya sendiri, sah juga korban untuk peserta korban. Ibn Umar pernah membeli seekor kambing dari seorang pengembala, menurunkannya dari gunung, dan mewakilkan pengembala untuk menyembelih bagi pihaknya. Maka pengembala itu menyembelihnya, dan berkata: Ya Tuhan, terimahal daripadaku (اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنِي). Ibnu Umar berkata: Tuhanmu lebih mengetahui siapa yang menurunkannya dari gunung.²⁴

Pemilik haiwan korban hendaklah membawanya ke tempat penyembelihan dengan lembut dan berhati-hati. Belas kasihan terhadap haiwan adalah salah satu contoh akhlak umat Islam. Diriwayatkan daripada Abdurrazzaq dari Ibnu Sirin katanya:

²⁴ Catatan Penterjemah: Pengarang menukilkkan teks ini daripada kitab *al-Zakhirah* karangan Imam al-Qarafi, 4/156.

رَأَى عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ – رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ – رَجُلًا يَسْحَبُ شَاةً
بِرِجْلِهَا لِيَذْبَحَهَا، فَقَالَ لَهُ: وَيْلَكَ! قُدْهَا إِلَى الْمَوْتِ قَوْدًا حَيْلًا

Maksudnya: Umar RA melihat seseorang menyeret kambing dengan menarik kakinya dengan tujuan untuk disembelih, maka Umar berkata kepadanya: Celaka kamu, iringlah haiwan ini menuju kematian dengan cara yang baik.

Demikian juga salah satu akhlak seorang muslim ketika menyembelih, tidak boleh mengasah pisau di hadapan haiwan yang ingin disembelih kerana ia boleh menyakitinya. Dari Abdullah bin Abbas bahawa:

أَنَّ رَجُلًا أَضْحَى شَاةً يُرِيدُ أَنْ يَذْبَحَهَا وَهُوَ يَحْكُ شَفْرَتَهُ،

فَقَالَ النَّبِيُّ – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

أَتَرِيدُ أَنْ تُمْتِئَنَّ موتاً؟ هَلَا أَخْدَدْتَ شَفْرَتَكَ قَبْلَ أَنْ تُضْبِحَهَا؟

Maksudnya: Seseorang merebahkan kambing untuk disembelih dan dia mengasah pisau. Nabi SAW bersabda: Apakah kamu ingin menyembelihnya berkali-kali? Hendaklah kamu menajamkan pisau sebelum haiwan direbahkan.

(Riwayat al-Hakim)

Maka wajib ke atas penyembelih tidak menyembelih haiwan korban di hadapan haiwan lain.

4

Kisah Sembelihan Korban

BAHAGIAN KETIGA KISAH SEMBELIHAN KORBAN

Korban ialah satu bentuk pengorbanan dan penebusan. Ibadah korban berasal daripada kisah Nabi Ibrahim AS di mana Ismail AS telah dilahirkan oleh isterinya, Hajar di Baitulmaqdis. Ismail AS merupakan anak sulungnya, dilahirkan ketika Nabi Ibrahim AS berumur 86 tahun. Kemudian Allah memerintahkan Nabi Ibrahim AS untuk membawa Ismail AS dan ibunya, Hajar ke Mekah. Maka Ismail AS tinggal bersama ibunya di Kaabah dan telaga zamzam sehingga remaja. Nabi Ibrahim akan melawat mereka setiap tahun sekali dalam perjalanannya dari Baitulmaqdis ke Mekah dan suatu ketika Nabi Ibrahim berkata kepada anaknya Ismail AS sebagaimana dalam surah al-Saffat ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعْهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنْيَءِ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أُذْبَحُكَ
فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۝ قَالَ يَا أَبَتِ افْعُلْ مَا تُؤْمِرُ ۝ سَتَحْدِثُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ
مِنَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya-Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar.

Faedah: Para Ulama menyebutkan bahawa perintah menyembelih adalah pada hari *Tarwiyah* iaitu hari ke-8 pada bulan Zulhijjah. Ismail AS mengakui kebenaran mimpi bapanya, kerana mimpi para Nabi adalah benar dan tidak ada ruang bagi syaitan untuk mengganggu mimpi tersebut. Kemudian Nabi Ibrahim AS mengambil anaknya, Ismail AS

untuk disembelih lalu Ismail AS berkata: Wahai ayah, jika kau ingin menyembelihku, kuatkanlah ikatanku, dan janganlah sampai menimpamu sedikitpun dari darahku, nescaya pahalaku akan berkurang, kerana kematian itu sangat berat, dan asahlah pisau sehingga ia dapat menyenangkanku. Dan jadikanlah asah pisau itu berlaku di belakangku, agar rahmat mengambilmu tatkala kamu melihat wajahku, maka ia menghalangi kamu dari perintah Allah, dan sekiranya kamu ingin mengembalikan bajuku kepada ibuku Hajar, mungkin ia akan lebih mudah baginya, maka lakukanlah. Nabi Ibrahim AS berkata: Kaulah sebaik-baik pemberi pertolongan.

Maka Nabi Ibrahim AS mengikat Ismail AS dalam keadaan dia mengasah pisaunya. Lalu Nabi Ibrahim AS meletakkan pisau ke tengkuk Ismail AS untuk menyembelihnya. Lalu Allah menukar dengan sesuatu yang lain sehingga dia dapat melaksanakan dengan sempurna lalu Allah berfirman dalam surah al-Saffat dari ayat 104 hingga ke 105 :

وَنَادَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمَ قَدْ صَدَّقْتُ الرُّؤْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نُجَزِّي الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: Serta Kami menyerunya: Wahai Ibrahim! Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan.

Dan telah berkata Ibnu Abbas RA mengenai tafsir surah al-Saffat: Keluar darinya biri-biri dari syurga yang telah digembala selama 40 tahun. Ada pendapat yang mengatakan bahawa biri-biri itu merupakan biri-biri hasil dari korbannya Habil bin Adam AS. Maka Ibrahim AS menyembelihnya dan terselamatlah anaknya Ismail AS. Kemudian telah datang api dari langit yang tiada asap darinya. Dan dia mengambil dagingnya secara keseluruhan tidak berbaki kecuali kepalanya. Maka diletakkan kepalanya di Kaabah dan kekal sehingga ke zaman Rasullullah.

Dan dengan itu, Nabi Ibrahim AS telah menjadi orang yang pertama menyembelih dan biri-biri merupakan jenis haiwan korban yang mula dikorbankan kemudian ia telah menjadi sunnah kepada manusia.

Dan jika tidak ditebus Ismail AS dengan biri-biri yang mulia, sudah tentu manusia akan mengorbankan anak-anak mereka.